

Kreatif Menjana Informasi

Inspirasi

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

BIL. 02 Jan-Jun 2016 ISSN 2462-1161

UPSI SASAR
UNIVERSITI TERNAMA
ASIA TAHUN 2020

ISSN 2462-1161



9 772462 116001

Kandungan

Januari

UPSI Sasar Universiti Ternama Asia Tahun 2020

Lawatan Rasmi Kedutaan Palestin

UPSI Meterai MoU dengan Universitas Muhammadiyah Purwokerto

UPSI.tv Mulakan Rakaman Sulung



Februari

UPSI Di Kedudukan Ke-6 Dengan 7 Emas SUKIPT 2016

UPSI Terima 25 Pelajar Antarabangsa

UPSI–Suhakam Jalin Kerjasama Erat

Skim Keselamatan dan Pertahanan Awam Perlu Ditambah Baik

UPSI Buka Tirai Mesyuarat JK NC/R UA 2016



Dari Meja Ketua Editor

"Setengah tahun pertama tahun 2016 telah berakhir dan pelbagai kenangan manis tahun 2015 menjadi catatan diari seluruh warga UPSI. **INSPIRASI UPSI 2016** menjadi lidah rasmi merakamkan setiap acara universiti dalam bentuk berita. Berita-berita yang dikompilasikan daripada Berita Terkini yang disiarkan dalam Laman Sesawang Rasmi UPSI dikumpul dan diterbitkan dalam bentuk buletin untuk bacaan dan rujukan seluruh warga UPSI.

Bagi mengatasi keterbatasan membuat liputan untuk keseluruhan program yang berlangsung di UPSI, BKK berharap semua PTJ dapat menghantar berita atau maklumat program untuk disiarkan dalam semua medium media yang ada.

Semoga dengan kerjasama padu ini akan memacu UPSI ke persada dunia. Sekian, Terima Kasih."

Sidang Editorial

Penaung: Profesor Dato' Dr. Zakaria Kasa, Naib Canselor |

Ketua Editor: Mohd Husyaini Hashim | **Editor:** Ghazali Din, Maziah Zee Abdullah |

Wartawan: Sajarutul Nor Kasim | **Reka Letak & Grafik:** Mohd Akmanizam Abd

Latiff | **Jurufoto:** Fisol Ahmad, Shahidah Abu Hassan, Nurul Hasniza

Mohd Rashid | **Edaran:** Azhar Saat

INSPIRASI UPSI diterbitkan dua kali setahun oleh Bahagian Komunikasi Korporat. Sidang editor berhak melakukan penyuntingan artikel yang diterima selagi tidak mengubah isinya.

Kami mengalu-alukan sumbangan seperti berita dan rencana untuk dimuatkan dalam INSPIRASI UPSI dan boleh dikirimkan secara e-mel kepada sajarutul@upsi.edu.my atau ccd@upsi.edu.my.

© Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016

Mac

Delegasi Universiti Nagoya Teruja Lawat UPSI

Retreat LPU Memperkasakan Pengurusan Universiti

Pangkalan Data Kanak-Kanak Negara Dirasmikan

UPSI Rangkul Kejuaraan SUTRA 2016

Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Rasmi NCDRC





April

Jalanan Mesra JPJJK Dan UPSI Bersama Komuniti
UPSI Semarak Pembelajaran Sepanjang Hayat
Dua Pelajar UPSI Terima Pingat Tuanku 2015
Kakitangan Cemerlang Terima APC 2015
Berfikir Kreatif Jika Ingin Hebat



Mei

Lawatan Pegawai Am UPSI Diiktiraf
Tiga Produk Inovasi Hasil Penyelidik UPSI Dikomersialkan
PPRN Galak Industri Di Perak
Sistem Penyampaian Universiti Di Perkukuh
Kesamaan Gender Jana Persefahaman



Jun

Anugerah Kecemerlangan Staf 2015
Kunjungan Rasmi Duta Gambia Ke UPSI
Pusat Islam Agih 700 Bungkus Bubur Lambuk
1600 Hadir Majlis Berbuka Puasa Perdana UPSI
Nuzul Quran Dihayati Kakitangan





UPSI SASAR UNIVERSITI TERNAMA ASIA TAHUN 2020



UPSI, 27 Januari, 2016 - Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa mensasarkan UPSI akan menjadi salah sebuah universiti pendidikan yang ternama di Asia menjelang 2020. Beliau berkata demikian sempena majlis Amanat Naib Canselor 2016 yang diadakan di Dewan SITC, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah yang bertemakan "Memerkasakan Transformasi Kebitaraan UPSI" di hadapan lebih 1,000 kakitangan pelbagai jawatan.

Sehubungan itu, UPSI merangka Pelan Strategik UPSI 2015-2020 menerusi tiga fasa iaitu Fasa 1 dengan temanya, Memartabatkan Transformasi Kebitaraan UPSI (2015-2016); Fasa 2, Melestarikan Kebitaraan UPSI (2017-2018) manakala Fasa 3, dengan tema Kecemerlangan UPSI di Asia (2019-2020). Beliau berpuas hati dengan pencapaian UPSI yang sedang membangunkan Model Pendidikan Guru Malaysia, Pusat Data Kanak-Kanak Negara (NCDK) di bawah seliaan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC) serta mewujudkan Virtual Campus Learning System (VCLS) melalui kerangka e-Pembelajaran yang membabitkan tiga sistem iaitu MyGuru, Open4Learn dan MobilLearn.

Mengulas pencapaian sepanjang 2015, antaranya UPSI melalui UPSI Holdings berjaya menjual produk Sistem Kewangan MyFIS kepada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan nilai jualan RM 1.74 juta, menerima Anugerah Sistem Pengurusan Pembelajaran Terbaik (Pembangunan Kendiri)

sempena Karnival E-Pembelajaran Universiti Peringkat Kebangsaan 2015 (NuCEL2015) serta seorang bekas Pelajar Diploma UPSI, Calvin Woo Yoong menerima Queen's Young Leaders Award yang terpilih daripada 60 negara Komanwel.

"Seramai 23% graduan daripada 13,000 graduan mendapat kelas pertama dan tiada graduan mendapat kelas ketiga pada tahun 2015 dan prestasi ini perlu dikekalkan dengan menitikberatkan isu-isu kebajikan pelajar bagi mengelakkan kemerosotan kecemerlangan pelajar," katanya.

Beliau menyarankan supaya UPSI Holdings meneroka peluang perniagaan yang lebih luas dan memberi keuntungan tinggi, berskala sederhana dan besar dengan harapan sasaran untuk membawa pendapatan kepada Universiti dengan jumlah RM1 juta dapat dicapai.

Yang hadir sama Pro-Canselor UPSI, Tan Sri Dr. Yahaya Ibrahim; Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Noor Ismail dan Datuk Ahmad Burak.

Pada majlis itu beliau turut melancarkan E-Maklum Balas serta UPSI TV yang dibangunkan sendiri oleh kakitangan Bahagian Komunikasi Korporat yang diterajui Pengarahnya, Mohd Husyaini Hashim.

Beliau kemudiannya menyampaikan sijil Certified NLP (Neuro Linguistic Programming) Training kepada kakitangan akademik dan bukan akademik yang melayakkan mereka menjayakan kursus motivasi berkenaan untuk pelajar dan kakitangan.



KELAB DESTAR LIMAR DAN NUR IZZATI TERIMA ANUGERAH SENI (MAKUM) 2013/2015

UPSI - Kelab Destar Limar, Pusat Kebudayaan, dan seorang pelajar UPSI, Nur Izatti Mohd Ariffin masing-masing merangkul Anugerah Gambang Mustika (anugerah bagi mengiktiraf kelab/persatuan kebudayaan paling aktif di universiti masing-masing) dan Anugerah Bonang Emas iaitu anugerah bagi mengiktiraf pelajar paling aktif kebudayaan di universiti dalam Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2013/2015.

Majlis yang dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Tan Sri Dato' Haji Alimuddin Haji Mohd Dom di Terengganu Equestrian Resort, Kuala Terengganu pada 16 Januari 2016, ini diadakan untuk memberi penghargaan kepada pelajar-

pelajar dan pegawai MAKUM yang bertungkus lumus memberi komitmen dan kerjasama dalam memastikan semua aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan dengan lancar.

Selain itu, ia juga berupaya menjadi peransang kepada mahasiswa/i untuk terus menjinakkan diri dalam kesenian dan aktiviti kebudayaan serta meningkatkan semangat berdaya saing dalam kalangan mahasiswa/i untuk bergiat aktif dalam program kebudayaan.

Turut diadakan Majlis Penyerahan Sekretariat MAKUM dari UniSZA (Sekretariat MAKUM 2013-2015) kepada UPSI untuk tahun 2016 hingga 2017.





LAWATAN RASMI KEDUTAAN PALESTIN

UPSI menerima kunjungan rasmi daripada Kedutaan Palestin yang diketuai oleh Duta Palestin ke Malaysia, Dr. Anwar H. Al Agha, serta Academic Attache, Dr. Ahmad Metani, pada 19 Januari 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat BC 2-7, Bangunan Canselor.

Dr. Anwar H. Al Agha berkata lawatan tersebut bertujuan mengetahui dengan lebih lanjut program yang ditawarkan di UPSI.

Tambah beliau, Malaysia menjadi tumpuan utama pelajar dari Palestin dan Sudan untuk melanjutkan pengajian. Pelajar bukan sahaja dapat menimba ilmu tetapi dapat belajar mengenai kebudayaan, sosial dan ekonomi di Malaysia.

Dalam perbincangan yang dipengerusikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa itu juga turut memberi tumpuan kepada jalinan kerjasama khususnya mendapatkan pelajar dari Palestin untuk melanjutkan pengajian di UPSI kerana UPSI mempunyai kepakaran dalam bidang pendidikan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Intan Safinas Mohd Ariff Albakri berkata, lawatan rasmi seperti itu dapat membuka peluang kepada UPSI menerima pelajar antarabangsa dengan lebih ramai.



Hadir sama Dekan Fakulti Muzik & Seni Persembahan, Prof. Madya Zaharul Lailiddin Saidon, Dekan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Prof. Dr. Amir Hasan Dawi, Dekan Institut Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Mahzan Arshad, Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Encik Mohd Husyaini Hashim dan Ketua Bahagian Akademik, Dr. Hajah Zainab Othman serta wakil fakulti.



UPSI METERAI MOU DENGAN UNIVERSITAS MUHAMMADIYAH PURWOKERTO



UPSI meterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universitas Muhammadiyah Purwokerto (UMP), Indonesia pada 20 Januari 2016 bagi menggalak dan mengekalkan pertukaran, kerjasama penyelidikan serta usaha sama pembangunan profesional. Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, beliau berharap melalui MoU tersebut segala agenda yang dirancang akan menjadi realiti dan dapat memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Sementara itu, delegasi UMP yang diketuai oleh Rektor, Dr. H. Syamsuhadi Irsyad turut berkongsi mengenai latar

belakang universiti beliau, fakulti-fakulti dan pelajar: Hadir sama Pendaftar, Mohd Faizi Othman, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah, dan Dekan Fakulti Sains & Matematik, Prof. Madya Dr. Zulkifley Mohamed serta pegawai kanan universiti.



MULAKAN RAKAMAN SULUNG

TANJONG MALIM, 21 Januari 2016 - Bahagian Komunikasi Korporat melangkah setapak lagi dengan menerbitkan rancangan bual bicara melalui UPSI.tv. Sebelum ini UPSI.tv hanya memfokuskan kepada rakaman acara sahaja.

Naib Canselor Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa menjadi tetamu sulung program Bual Bitara. Program, ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu semasa dunia pendidikan. Perbincangan kali ini berkisar kepada pembelajaran dan pengajaran secara e-pembelajaran.

Menurut Penerbit Rancangan En. Mohd Shahrin Daud pada peringkat awal ini, program dibuat secara rakaman dan akan disiarkan di www.upsi.tv. Tambahnya lagi, pada masa akan datang program akan dibuat secara langsung berdasarkan keperluan universiti.

En. Mohd Nurulakram Abd Sukor bertindak sebagai Penerbit Bual Bitara memaklumkan rakaman sulung ini akan disiarkan pada 2 Februari 2016.





KONTINJEN UPSI SEDIA GALAS CABARAN DI SUKIPT 2016

Oleh: Nurhayati Nasir

TANJONG MALIM, 20 Januari 2016 - Seramai 152 orang atlet dan pegawai akan mewakili Kontingen UPSI ke Karnival Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2016, yang dijadualkan berlangsung dalam 2 fasa bermula pada 25 Januari sehingga 5 Februari 2016 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. 12 sukan yang akan disertai ialah; Pencak Silat, Olahraga, Memanah, Bola Baling (Lelaki & Wanita), Bola Tampar (Lelaki), Hoki (Wanita), Sofbol (Lelaki), Petanque, Taekwando, Karate-Do, Bowling dan Judo.

Majlis penyerahan bendera kepada pengurus-pengurus pasukan telah disempurnakan oleh YDH ACP (K) Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor (HEPA) merangkap Ketua Kontingen pada 20 Januari 2016 di Dewan Kolej Ungku Omar (KUO). Turut hadir, Prof. Dr. Sahandri Gani Hamzah, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang



telah menyerahkan bendera UPSI kepada Ketua Kontingen sebagai tanda membawa cabaran UPSI ke Karnival SUKIPT 2016.

Menurut Pengarah Pusat Sukan UPSI, Dr. Ruaibah Yaazani Tengah, warga UPSI boleh mengikuti perkembangan terkini SUKIPT 2016 di FB Pusat Sukan UPSI.



KAYUHAN 1MALAYSIAN YOUTH CITY

TANJONG MALIM, 31 Januari. 2016 – Kayuhan 1Malaysian Youth City – “Ride with Community” diadakan sempena lawatan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Haji Abdul Rahman Dahlan ke Tanjung Malim 1Malaysian Youth City.

YB Haji Abdul Rahman telah merasmikan pelepasan kayuhan basikal yang disertai lebih daripada 100 peserta. Beliau juga turut meninjau Muzium Pendidikan Nasional, UPSI.

Naib Canselor UPSI menyatakan kelab seperti ini amat baik sebagai riadah dalam kalangan staf dan pelajar. Tambahnya lagi, pihak pengurusan UPSI juga menyokong aktiviti sedemikian untuk memastikan warga UPSI mengamalkan gaya hidup sihat.

Presiden Kelab Basikal Staf UPSI, En. Rusli Ahmad menyatakan aktiviti seperti ini akan diadakan dua kali sebulan. Ia sangat bersesuaian Tanjung Malim sebagai 1Malaysian Youth City.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Sahandri Gani Hamzah, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato’ Dr. Noraini Idris, Pendaftar UPSI, En. Mohd Faizi Othman dan warga Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.





UPS I DI KEDUDUKAN KE-6 DENGAN 7 EMAS SUKIPT 2016

UTM Skudai, 5 Februari, 2016 - UPSI berjaya mengumpul tujuh pingat emas, tiga perak dan tujuh gangsa pada Kejohanan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2016 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dari 25 Jan. – 5 Feb. 2016.

Empat pingat emas disumbangkan dalam acara judo menerusi kategori 73kg (M) oleh Yousuff Daniel Fauzi Cruz, kategori 90kg (M) oleh Amirul Asraf Ab Razak, kategori 100kg (M) oleh Farish Farhan Badri dan Kata (Nage No

Kata). Tiga lagi pingat disumbangkan menerusi acara pencak silat bagi kategori Kelas A (45kg-50kg) (M) oleh Mohamed Fikry Mohamed Noh, Kelas J (90kg-95kg) (M) oleh Mohd Shaheed Mohd Shafiee dan Kelas H (80kg-85kg) (M) oleh Ahmad Badrirullah Rahmat.

Tiga pingat perak masing-masing dimenangi menerusi acara pencak silat Kelas Bebas (75kg-90kg) (W) oleh Nurul Fitri Liana Hassim dan Handball.

Pingat gangsa pula dituai daripada acara pencak silat Kelas C (55kg-60kg) (W) yang disumbang oleh Nur Aini Irwanis Mohd Nawi, Kelas Bebas (95kg-110kg) (M) oleh



Muhammad Aliff Luqman Roslee dan Kelas E (65kg-70kg) (M) oleh Muhammad Saiful Syazwan Rahmat. Satu lagi pingat dimenangi oleh Muhammad Iqbal Junaid dalam acara memanah Compound Individu Lelaki. Turut menyumbang pingat dari acara Karate Do oleh Natasha Zaibal Abidin Shah - Individu Kumite 68kg (W) serta Pong Tong Yee dari acara olahraga 10 000m (L).

Pingat keseluruhan ialah 7 emas, 3 perak dan 7 gangsa dan UPSI di kedudukan ke-6 daripada 102 IPT yang bertanding dalam dan luar negara. Tahniah kepada kontinjen UPSI.



PUNCAK GUNUNG LIANG CABAR KECEKALAN STAF UPSI

Behrang, 14 Februari, 2016 - Unit Latihan Bahagian Sumber Manusia dengan kerjasama Persatuan Pegawai Tadbir Dan Ikhtisas (PRESTASI) UPSI, menganjurkan "Tebuilding" Gaya Hidup Sihat: Cabaran Menawan Puncak Gunung Liang" dari 13-14 Februari 2016.

Seramai 26 peserta daripada pelbagai pusat tanggungjawab dan latar belakang menyertai pendakian di dua-dua puncak Gunung Liang Barat dan Timur dengan ketinggian 6342 kaki dan 6343 kaki. Pendakian juga turut disertai tujuh pendaki luar dengan lima orang pendaki profesional.

Pengarah Program, Abdul Ghani Mansor berkata, "program ini bertujuan untuk memperkukuh semangat kerja berkumpulan, meneroka biodiversiti, dan mengeratkan ukhuwah dalam kalangan kakitangan UPSI". "Kami mendaki selama 6 jam untuk sampai ke tapak perkhemahan di kawasan permatang yang lebih dikenali "7 Eleven" dalam kalangan pendaki kerana ia tempat punca air; tambahna lagi. Lalan pendakian bermula dari Kampung Sungai Dara, Slim River.

Menurut Marina Awang Ahmad salah seorang daripada lima peserta wanita yang menyertai pendakian, "untuk sampai di kedua-dua puncak kami melalui cerun curam, suhu sejuk mencecah 10-11°C serta berkabus dan pelbagai rintangan, namun dengan kerjasama erat dalam kalangan peserta akhirnya kami berjaya sampai ke puncak".

Kejayaan menawan puncak Gunung Liang ini membuktikan kakitangan UPSI mempunyai semangat berpasukan yang sangat kental tambah, Abdul Ghani Mansor yang juga Pegawai Tadbir Kanan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.





TAN SRI JOHAN JAAFAR SEDIA KONGSI PENGALAMAN

UPSI, 15 Februari, 2016 - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengadakan perbincangan CEO@Faculty Programme bersama Mantan Pengerusi Media Prima Berhad, Tan Sri Johan Jaafar di Bilik Mesyuarat Naib Canselor jam 9.30 pagi hingga 11.00 pagi 15 Februari 2016.

Perbincangan berkisar tentang sumbangan dan peranan yang dapat dimainkan oleh Tan Sri Johan bagi membantu UPSI memantapkan graduan dalam konteks hubungan dengan industri kreatif, perkongsian ilmu menerusi pengalaman beliau lebih 30 tahun dalam industri berkenaan.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata UPSI memerlukan tokoh yang amat berpengalaman untuk sama-

sama membangunkan UPSI dalam beberapa aspek industri kreatif termasuk bagi melahirkan graduan yang lebih berdaya saing.

Hadir sama pada perbincangan berkenaan ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah; Dekan Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Prof. Madya Zaharul Lailiddin Saidon; Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Prof. Madya Dr. Nor Azmi Mostapha; serta Penyelaras Program Komunikasi, Prof. Dr. Mohammad Zin Nordin serta Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Dr. Mazura@Mastura Muhammad.

SERVICE AGREEMENT CONTRACT BETWEEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
AND
FIBRECOMM NETWORK (M) SDN. BHD.

17 FEBRUARY 2016
PULLMAN HOTEL & RESORT, PUTRAJAYA



UPSII TANDATANGAN KONTRAK TIGA TAHUN DENGAN FIBRECOMM NETWORK (M) SDN BHD

Universiti Pendidikan Sultan Idris menandatangani kontrak tiga tahun bernilai RM8,363,400.00 dengan Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd bagi menaik taraf infrastruktur komunikasi universiti ini pada 17 Februari 2016 bertempat di Hotel Pullman, Putrajaya.

Menurut Ketua Pegawai Maklumat Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Norazidah Othman, kontrak itu merangkumi Perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi 3 Gigabit per saat (3Gbps), perkhidmatan komunikasi suara berasaskan IP di Kampus Sultan Azlan Shah, sambungan kabel fiber optik antara Kampus Sultan Abdul Jalil Shah dengan Kampus Sultan Azlan Shah, Peralatan Keselamatan Firewall dan Pengurus Jalur lebar serta Menara Telekomunikasi untuk liputan 3G dan 4G dalam kampus.

Selain daripada kerjasama pintar yang berkonsep menang-menang (*win-win situation*) kepada kedua-dua pihak yang menjamin pihak industri mendapat manfaat melalui kutipan caj sewaan menara telekomunikasi yang dikenakan kepada syarikat operator telekomunikasi (*subscriber*) pada kadar tetap setiap bulan itu, pihak UPSII juga akan meneruskan perancangan dan usaha mempertingkatkan kemudahan ICT sedia ada bagi memastikan proses penyampaian perkhidmatan akademik dan pentadbiran UPSII dapat berjalan dengan efisien dan berterusan.

Antaranya Perkhidmatan Capaian Wayarles Internet di Kolej-Kolej kediaman UPSII serta Perkhidmatan Pemulihan



Bencana (*Disaster Recovery*) bagi Pangkalan Data Utama (Oracle) dan Aplikasi-aplikasi Sistem Maklumat Bersepadu (SMBU) untuk UPSII.

Kontrak ditandatangani antara Ketua Pegawai Eksekutif Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd, Mohd Siril Asror Mahbon dengan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa.

Turut diadakan dua siri Executive Talk "Transforming The Malaysia Edu-Industrial Perspective" oleh CEO Open Learning, Mr. Adam Brimo dan "Total Solution Edu Industry" oleh Ketua Pegawai Eksekutif Fibrecomm Network (M) Sdn Bhd, Mohd Siril Asror Mahbon.



LELONGAN AMAL SAYUR BANTU PESAKIT

Tanjong Malim, 17 Februari 2016 – Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif, UPSI dengan kerjasama Unit Rehabilitasi Psikologi, Klinik Kesihatan Tanjong Malim, dan Sadrey Nursery & Landscaping mengadakan Jualan Lelongan Amal Sayur Segar Terus dari Ladang di Klinik Kesihatan Tanjong Malim. Program merupakan kesinambungan dari pembinaan Taman Edible.

Menurut, Dr. Mohammad Rusdi Mohd Nasir, program ini antara program yang dilaksanakan dalam *Knowledge Transfer Programme*, di bawah geran Kementerian Pendidikan Tinggi. Program lelongan amal ini bertujuan untuk membantu para pesakit mental berdikari, bergaul dengan masyarakat dan menjana ekonomi. Hasil jualan amal akan diberikan kepada tabung pesakit, tambahna lagi.

Turut diadakan, Bengkel DIY Bonsai yang diberikan oleh Hasbul Sadri dari Sadrey Nursery & Landscaping. Seramai 15 orang peserta menyertai dan turut mendapat sambutan daripada peserta luar. Rata-rata peserta sangat teruja bila melihat hasil pokok bunga melati yang dibentuk sebagai bonsai.

Sementara itu, Ketua Klinik Kesihatan Tanjong Malim, Dr. Shahnul Kamal Sidek berkata, program seperti ini amat baik dalam membantu pemulihan para pesakit, ujar beliau semasa menutup program pada hari tersebut.





UPSI TERIMA 25 PELAJAR ANTARABANGSA

UPSI, 18 Februari 2016 - UPSI kini kian mendapat tempat dalam kalangan pelajar antarabangsa dengan kemasukan 25 mahasiswa baharu ambilan Februari 2016 berbanding ambilan yang sama tahun 2015 iaitu seramai 10 dan lapan pelajar pada ambilan September.

Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, berkata kemasukan pelajar kali ini adalah antara kemasukan yang paling ramai iaitu 25 pelajar merangkumi 18 pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dan selebihnya adalah daripada Program Pertukaran Pelajar (ISEP).

Walau bagaimanapun, pada hari orientasi yang berlangsung pada 18 Februari 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa itu, hanya 19 pelajar sahaja yang baharu tiba iaitu dari negara China (10), Amerika Syarikat (tujuh) dan Thailand (dua).

Sementara itu, semasa sesi Local Custom in Malaysia & A Brief History About SITC-UPSI yang disampaikan oleh Dr. Hasimah Ja'afar, Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, pelajar sangat teruja untuk mempelajari kepelbagaian budaya dan bahasa sehingga ada dalam kalangan pelajar ini mempelajari perkataan dan sebutan Bahasa Melayu dengan melayari talian internet sebelum datang ke Malaysia.

Selain, memperkenalkan UPSI dan budaya masyarakat setempat, para pelajar diberikan ujian untuk mengasah kebolehan bertutur dalam bahasa Melayu dan menari tarian Joget Melayu bersama para pelajar FBK.



"I hope to experience a culture different than my own and to grow as a student and as a global citizen. I hope to familiarize myself with Malaysia to see with more than just a tourist's eye of the country. I am so excited to begin this journey!"

**Madeline Smith,
Amerika Syarikat**



"I'm so excited to know many new friends and study well."

Reiley, China



"I am very excited to be in Malaysia and studying at UPSI. I expect to experience the Malay culture."

**Charlie Godfrey,
Amerika Syarikat**



"I am very happy and like the view. UPSI is very beautiful."

**Fateemoh Kotae,
Thailand**



PUSAT ISLAM ANJUR BACAAN YASIN & SOLAT HAJAT PERDANA

Proton City, 22 Februari 2016 - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk pertama kalinya memulakan kuliah semester dua sesi 2015/2016 dengan mengadakan majlis Bacaan Surah Yasin dan Solat Hajat Perdana bagi mendapat keberkatan dalam pelbagai urusan.

Majlis anjuran Pusat Islam itu diadakan di Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City sebagai menyambut saranan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa semasa menyampaikan Amanat Naib Canselor awal tahun ini.

Lebih 300 kakitangan dan pelajar UPSI hadir membaca surah Yasin seterusnya menunaikan solat hajat bagi mendapatkan keberkatan dalam pelbagai usaha demi kemajuan universiti dalam pelbagai bidang.

Majlis turut dihadiri Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa itu diadakan majlis tazkirah yang disampaikan pensyarah kanan Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan yang juga Pengerusi Masjid Al-Mursyidin, Dr. Ibrahim Hashim.

Dalam tazkirahnya, Dr. Ibrahim antara lain menyentuh tentang pentingnya bersyukur kepada Allah dan terhadap pengorbanan kedua-dua ibu bapa.

"Mahasiswa perlu belajar bersyukur dan bersyukur kepada guru dan pensyarah yang memberi ilmu sehingga berjaya dengan cemerlang," katanya.



Hadir sama Pendaftar UPSI, Mohd Faizi Othman; Pengarah Pusat Islam, Dr. Mohd Abdul Nasir Abd Latif serta Pengarah Bahagian Komunikasi Korporat, Mohd Husyaini Hashim.

Bacaan Yasin dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustaz Muhammad Majdan Ismail manakala solat hajat diimami oleh Dr. Ibrahim Hashim.

Sebaik tamat Bahagian Komunikasi Korporat UPSI menyediakan pulut kuning bagi meraikan sambutan ulang tahun ke-59 Prof. Dato' Zakaria pada 23 Februari 2016.



UPSI – SUHAKAM JALIN KERJASAMA ERAT

Proton City, 22 Februari 2016 - Menyedari kepentingan kesedaran terhadap perlindungan hak asasi manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerusi Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada 22 Februari 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, UPSI, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, Jabatan Pengajian Kemasyarakatan dan Kewarganegaraan di FSK menawarkan dua bidang pengajian iaitu Pengajian Malaysia dan Pendidikan Moral.

"Di dalam pengajian Malaysia terdapat beberapa kursus yang ditawarkan berkaitan dengan hak asasi manusia seperti subjek hak asasi dan masyarakat, hubungan antarabangsa Malaysia, isu-isu serantau dan antarabangsa dan sistem undang-undang Malaysia. Bagi Pendidikan Moral terdapat juga kursus berhubung hak asasi manusia yang diterapkan di dalam pengajian seperti Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Moral di Malaysia dan Pengantar Pendidikan Moral."

"Subjek universiti seperti Kenegaraan Malaysia dan TITAS juga menerapkan ilmu hak asasi manusia dalam pengajaran dan pembelajaran. Tujuan ilmu hak asasi ini diterapkan dalam kursus-kursus yang ditawarkan adalah asas agar pelajar mengetahui hak mereka sebagai warganegara. Sering kali masyarakat Malaysia khususnya didiskriminasi dari pelbagai segi hak asasi. Justeru, dengan pendedahan ilmu hak asasi di peringkat universiti, para pelajar lebih terdedah dan mengetahui hak mereka dalam apa-apa isu yang berhubung."

"Justeru kerjasama SUHAKAM dan UPSI ini, pastinya akan dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak, khususnya dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan program yang berkaitan,

antaranya Latihan Industri Pelajar, Program Latihan Kakitangan, Program Penyelidikan Bersama, Pertukaran Data dan Maklumat, Jemputan Acara Rasmi/Tidak Rasmi, Penubuhan Unit/Persatuan Hak Asasi, dan lain-lain bidang sebagaimana yang dipersetujui bersama oleh UPSI dan SUHAKAM," katanya.

Sementara itu, Pesuruhjaya SUHAKAM, Prof. Emeritus Dato' Mahmood Zuhdi Hj. A.Majid, menyampaikan ucapan bertajuk "Hak Asasi Manusia dalam Konteks Organisasi" sempena MoU tersebut berkata, setiap orang perlu memahami bahawa hak itu wujud bersama konsep 3R iaitu *Rights* (Hak), *Respect* (Hormat) dan *Responsibility* (Tanggungjawab).

"Sebagai negara yang mempunyai kepelbagaian sosiobudaya, agama dan bangsa, saya sentiasa percaya bahawa hak asasi manusia, pada dasarnya, adalah menghormati orang lain, serta menghormati perbezaan yang mencirikan kita sebagai individu dan masyarakat. Konsep murni seperti inilah yang perlu diserapkan dalam diri pelajar, bagi membentuk jati diri yang berkualiti, sekaligus menghasilkan murid yang seimbang iaitu cemerlang dalam bidang akademik dan terbilang dalam kehidupan.

Dalam pada itu, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa turut memaklumkan FSK bakal menawarkan program baharu yang dijangka akan dibuka pada September 2017 iaitu, Diploma Turath (Eksekutif), Ijazah Sarjana Muda Tahfiz dan Qiraat dan Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Kaunseling khusus untuk pelajar-pelajar dari pondok.

Menurut Dekan FSK, Prof. Dr. Zainudin Othman, penawaran program itu bertujuan mewujudkan dan mengiktiraf guru-guru tahfiz dalam kalangan pelajar sekolah pondok. Selain itu, penawaran tersebut adalah atas permintaan yang tinggi dalam kalangan pesara dan masyarakat yang ingin mendalami ilmu agama setelah bersara daripada perkhidmatan.



PUSAT ISLAM ANJUR SEMINAR ISU SEMASA



UPSİ, 23 Februari. 2016 – Pelbagai peristiwa berkaitan isu Islamic State in Iraq and Syria (ISIS) yang berlaku seperti pengeboman di Ankara pada Febuari 2016, Pengeboman Jakarta pada Januari 2016, Konflik Arab Saudi–Iran dan Tragedi France menyebabkan dunia memandang negatif kepada umat Islam.

Justeru, bagi menyebarkan maklumat berkaitan ISIS, Pusat Islam UPSİ menganjurkan Seminar Isu Semasa ISIS: Pejuang @ Petualang pada 23 Februari 2016 bertempat di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning.

Berdasarkan firman Allah S.W.T di dalam Al-Quran yang bermaksud: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman, orang-orang yang berhijrah dan berjihad di jalan Allah, mereka itu mengharapkan rahmat Allah, dan Allah Maha

Pengampun lagi Maha Penyayang (Al-Baqarah: 218)", seminar yang menampilkan dua penceramah iaitu dari Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya, Prof. Madya Dr. Mohd Roslan Mohd Nor dan Timbalan Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera, Brig. Jeneral Haji Nawawi Haji Daud ini menghuraikan konsep jihad yang dilakukan oleh ISIS sama ada ia bertepatan dengan saranan tersebut.

Hadirin didedahkan dengan sejarah penubuhan ISIS, tokoh kepimpinan, ideologi dan matlamat perjuangan, peranan golongan wanita, pengebom berani mati, kegiatan perekrutan, tanda-tanda orang yang dikesan terlibat dengan ISIS, perkembangan terkini dan pencegahan.



PELAJAR TAMBAH PENDAPATAN MELALUI KARNIVAL KEUSAHAWANAN DAN BELIA

UPSI, 24 Februari 2015 – Bagi membudayakan keusahawanan kepada golongan mahasiswa serta alternatif untuk menambah pendapatan, Majlis Perwakilan Pelajar sidang 2015/2016 dengan kerjasama Kolej Ungku Omar serta Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) Perak buat pertama kalinya mengajurkan Karnival Keusahawanan dan Belia Peringkat UPSI pada 22 hingga 25 Februari 2016 bertempat di Perkarangan Kolej Ungku Omar.

Menurut, Pengarah JASA Negeri Perak, Tuan Haji Mohd Abd Rahim Mohamed Nawawi, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan dan peluang kepada masyarakat untuk menjadi usahawan.

"Di negeri Perak, kerajaan menyediakan peluang perniagaan melalui pelbagai agensi seperti Agensi Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan yang menyediakan Skim Mikro Kredit, Kios Aman Jaya, Gerai Burger dan lain-lain selain pinjaman melalui Tekun dan Mara," katanya.

Justeru itu, beliau menyarankan mahasiswa UPSI menggunakan pengalaman menganjurkan karnival itu sebagai pemangkin untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan sekaligus merebut pelbagai peluang yang ada.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar merangkap Pengarah Program Karnival Keusahawanan dan Belia UPSI 2016, Syahmi Aiman Sulaiman berkata, matlamat penganjuran karnival adalah bagi membantu mahasiswa/i mendapat maklumat tentang keusahawanan dan sama ada dasar belia Malaysia ataupun bantuan yang wujud untuk menjadi seorang usahawan.

Turut diadakan Forum Ilmiah: Keusahawanan dan Belia, menampilkan Pencetus Ummah (PU) Azman Syah Alias sebagai moderator; dan Ahli Senator Dewan Negara Merangkap Pengerusi Yayasan Minda, Senator Tan Sri Prof. Dr.



Ibrahim Abu Syah serta Ketua Pegawai Eksekutif Al-Meswak Mu'Min Sdn Bhd, Dato Haji Zaihal Hazri Haji Abdul Halim sebagai panel, dan Talk Show Bersama Ikon Keusahawanan : "Keusahawanan Menjamin Masa Depan Atau Tidak?" menampilkan panel Pengarah Urusan Jana Tanmia Resources Sdn Bhd, Hj. Mohd Zaidi Ilamdin dan Pengerusi Kumpulan Syarikat Al-Araby, Ahmad Sani Abdul Alim Araby.



SOLITEK COMPANY AND UPSI COLLABORATED TO CREATE A BETTER WORLD

UPSI, 25th February 2016 - Realising the importance of taking care of the environment, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) took a brilliant step by signing a Memorandum of Agreement (MoA) to install two solar panels; with 60kw for each panel, on two buildings of Faculty of Science and Mathematics in UPSI, with BOD Groups of Company which was represented by Solitek Company, a European manufacturer and seller of PV cells and modules with headquarters and production plant in Vilnius, Lithuania. UPSI was the first local university to be chosen for this project by an international company which was based in Malaysia.

The agreement was made between Professor Dato' Dr. Zakaria Kasa, the Vice Chancellor of UPSI as the representative of the university and Mr. Paulius Kuncinas, the Manager of Solitek Company. This MoA was made as a sign of a joint venture between UPSI and BOD Groups to increase the awareness towards the environment, especially in Green Technology. This CSR project was sponsored by Lithuania's Ministry of Environment. The installation and maintenance cost will be borne by Solitek Company for 12 months before this project becomes a full-property of UPSI.

In his speech, Mr. Paulius said that he was glad to represent the BOD Groups. Mr. Paulius believes that this project will become a solution to the world's climate changes and global

warming problem. He also hoped that UPSI's students will do researches and help them to improve this solar panel project. Finally, he stated that he is willing to tell the media about this technology in order to create more awareness; not only for UPSI's students and staffs, but also to the whole world.

Meanwhile, Prof. Dato' Dr. Zakaria in his speech thanked the BOD Groups for choosing UPSI as the first Malaysia institution to collaborate with them and hoped that this project will benefit both parties. Prof. Dato' Dr. Zakaria stated that this project was worth half of million Ringgit Malaysia for a long term application and will bring benefits to human and environment especially in green technologies. He also hoped that this MoA will continue the progress of collaboration by conducting many more activities such as creating awareness of the importance of the renewable energy and developing strategic partnership in various fields between both parties.

The installation of this solar panel was expected to save half of the cost of electricity usage in UPSI. Besides, it was hoped that this project will create an environmental-friendly surrounding and increase the awareness of UPSI's staffs and students about issues such as climate changes and global warming.



SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM PERLU DITAMBAH BAIK



UPSI – Majlis Pengarah-Pengarah Keselamatan Universiti Awam, Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan IPTA Malaysia (GAKUM), Yayasan Pekerja Malaysia (YAPEM), Kesatuan Pegawai Am (KPA) UPSI menganjurkan Diskusi Perkhidmatan Awam: Road Map Skim Keselamatan (KP) Pengawal Keselamatan & Polis Bantuan pada 25 Februari 2016, bertempat di Dewan SITC, UPSI.

Majlis yang dihadiri oleh penjawat awam Skim Keselamatan dari pelbagai agensi kerajaan seperti Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, dan universiti-universiti awam ini membincangkan hala tuju skim bagi menambah baik peluang dan kerjaya skim tersebut.

Diskusi diadakan dalam dua sesi perbincangan iaitu, Sesi 1: Hala Tuju Skim KP yang dipengerusikan oleh Pengarah Keselamatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Kapten (B) Yusoff Ramli dan dua panel iaitu Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Muhamad Zakril Azan Abdullah dan Pengerusi GAKUM, Ku Azmi Ku Ibrahim.

Manakala Sesi 2: Diskusi / Perkongsian Pengalaman "Perjuangan Dalam Penambahbaikan Skim" dipengerusikan oleh En. Aisamuddin A. Jalil dan empat panel iaitu, Dato' Haji Omar Haji Osman, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Imegresen Malaysia, En. Khairil Niza Khairuddin, Pengerusi CUEPACS Negeri Perak, En. Suhaimi Dato' Haji Othman dan Pengurus Kanan Keselamatan Tabung Haji, En. Wan Shamshol Husin (DSP/PB).



UPSI BUKA TIRAI MESYUARAT JK NC/R UA 2016



UPSI, 28 Februari 2016 – Universiti Pendidikan Sultan Idris menjadi tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam Bil. 1/2016. Mesyuarat kali ini dihadiri oleh Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Dr. Asma Ismail, Naib Canselor, Rektor, dan wakil. Mesyuarat diadakan di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, pada 28 Februari 2016.

Mesyuarat kali ini turut memilih Pengerusi baharu. Sebelum ini Jawatankuasa NC/R UA dipengerusikan oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis, Brig. Jeneral Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin, yang telah bersara. Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Prof.

Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, merupakan Pengerusi Baharu Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor UA untuk tempoh dua tahun.

Selepas mesyuarat semua peneraju Universiti Awam telah dibawa meninjau kedua-dua kampus UPSI, iaitu Kampus Sultan Abdul Jalil Shah dan Kampus Sultan Azlan Shah.

UPSI buat kali pertama menjadi tuan rumah, dan ini sangat bermakna selepas pengisytiharan Daerah Muallim. Para ahli mesyuarat turut diraikan dalam satu majlis makan malam yang diadakan di Dewan Seri Tanjung pada malam sebelum mesyuarat berlangsung.



DELEGASI UNIVERSITI NAGOYA TERUJA LAWAT UPSI

UPSI, 2 Mac 2016 - Universiti Pendidikan Sultan Idris menerima kunjungan rasmi delegasi dari Universiti Nagoya, Jepun. Kunjungan selama tiga hari bermula pada 29 Februari hingga 3 Mac 2016 yang diketuai oleh Prof. Nshino Setsuo itu merupakan salah satu langkah untuk mempromosikan UPSI di Jepun selain bertujuan menjalin peluang kerjasama.

Delegasi yang disertai oleh, Prof. Nattori Mina, Andy Bangkit, Xiao Lan, Mori Junko dan tenaga pengajar dari Department of Bio Agriculture disambut oleh Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Intan Safinas binti Mohd Ariff Albakri.

Setelah tamat perbincangan yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama, Perpustakaan Tuanku Bainun pada 1 Mac 2016, delegasi di bawa melawat sekitar kampus utama dan kampus baharu UPSI, Edible Farm dan Agriculture Farm milik Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional yang terletak di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) dan Bengkel Pemprosesan Makanan (Pau UPSI).

Seterusnya, delegasi dibawa melawat ke beberapa tempat di Cameron Highland seperti Hospital Kerajaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ringlet, Sekolah Kebangsaan Menson, Ladang Teh dan Ladang Sayur.

Hadir sama, Pengarah Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Prof. Dr. Ramlee Mustapha, Timbalan Dekan (Penyelidikan (Penyelidikan dan Siswazah), Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Dr. Clare Chan Suet Ching, Dr. Norwaliza Abdul Wahab (pensyarah) dan Penolong Pendaftar Institut Pengajian Siswazah, En. Mohd Fadli Sulaiman.





PROMOSI MUZIKAL RANDAI CINDUO MATO DI UPSI



Foto: Ihsan Pusat Kebudayaan, UPSI

UPS I, 3 Mac 2016 – Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara mengadakan promosi bergerak Panggung Seni Ekstravaganza: Muzikal Randai Cinduo Mato di UPSI pada 29 Februari 2016 lalu bertempat di Foyer Kompleks Dewan Kuliah Kampus Sultan Abdul Jalil Shah.

UPS I menjadi lokasi sulung promosi teater muzikal itu merupakan langkah untuk menarik minat orang ramai khususnya pelajar dalam kelompok bidang seni supaya mereka dapat mempelajari seni tradisional secara langsung bukan hanya sekadar teori atau melalui video sahaja.

Teater yang menggabungkan unsur teater, tarian, muzik dan nyanyian dengan mengekalkan keaslian serta struktur asal persembahan randai ini bakal dipentaskan di Istana Budaya pada 25 Mac 2016 dan dijayakan oleh artis popular seperti Remy Ishak, Datuk Jalaluddin Hassan, Datuk Ahmad Tarmimi Siregar dan Ashraf Muslim.

Promosi diteruskan di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan Universiti Putra Malaysia.



FSKIK PERKENAL RF01

UPSI, 3 Mac 2016 – Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK) buat pertama kalinya memperkenalkan maskot terbaharunya pada majlis Perhimpunan Bulanan Kakitangan Bersama Naib Canselor Edisi Mac 2016 yang dianjurkan fakulti itu pada 2 Mac 2016 bertempat di Dewan SITC.

Maskot yang diinspirasikan daripada alatan studio Motion Capture UPSI itu dikenali sebagai RF01 hasil reka cipta Dr. Ahmad Nizam Othman dari Jabatan Multimedia Kreatif.

Sementara itu, Dekan, Dr. Maizatul Hayati Mohamad berkata, dalam usaha merencanakan 4P, usaha sama antara pensyarah dan pelajar dipergiatkan.

“Antaranya aktiviti percambahan ilmu yang bakal diadakan pada tahun 2016 adalah International Conference on ICT in Education (icict@edu2016), Symposium Multimedia (MACCS2016) dengan kerjasama ITB, National Robotic Challenge (NURC2016), projek berkala Kolaborasi Seni Antarabangsa Malaysia-Thailand (antara UPSI dan Thaksin University) dan menjadi rakan strategik bagi The 3rd International Innovation, Design & Articulation 2016 anjuran UiTM Arau pada bulan April nanti.”

“FSKIK juga akan mempergiatkan program-program yang bersifat *service learning* yang menggalakkan pelajar meneroka keperluan masyarakat serta membantu dalam meringankan masalah yang dihadapi oleh komuniti. Beberapa cadangan telah dimajukan menerusi program *Community Engagement* bagi mendapatkan peruntukan.”


“Usaha pembentukan keupayaan pelajar turut diberi perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran, Penekanan akan diberikan kepada penerapan STEAM (*Science, Technology, Engineering, Art and Mathematics*) merentas kurikulum bagi meningkatkan minat serta keupayaan pelajar untuk menjadi usahawan setelah bergraduati,” katanya



Turut diadakan Pameran Representasi yang mempamerkan semula karya yang pernah dipamerkan di Southern Thai Art Centre, Koh Yor Island, Songkhla dan lakaran potret Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa oleh Sazri Rusalan Zulkenan, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni Semester 6 yang sedang mencipta nama dalam bidang seni.



SUMBANGAN ZAKAT BANTU RINGANKAN BEBAN



melalui Tabung Amanah Zakat. UPSI menggunakan sistem pengurusan zakat secara dalam talian untuk memudahkan para pemohon memohon bantuan wang zakat. Selain pelajar, sumbangan zakat juga turut diberikan kepada kakitangan UPSI yang layak.

Sementara itu, Dato' Wan Ismail Wan Jusoh, berkata pada tahun ini pihak BIMB telah menambah jumlah sumbangan zakat kepada RM 80 000.00 berbanding tahun 2015. Dalam pada itu beliau turut berkongsi beberapa cara pelaburan yang boleh digunakan oleh UPSI untuk meningkatkan pendapatan.

UPS! 4 Mac 2016 – Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang diwakili oleh Ketua, Hubungan Strategik dan Pengurusan Produk, Dato' Wan Ismail Wan Jusoh, telah menyerahkan zakat berjumlah RM 80 000.00.

Naib Canselor Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, berkata sumbangan zakat yang diterima daripada agensi luar diuruskan



“RETREAT” LPU MEMPERKASAKAN PENGURUSAN UNIVERSITI

Melaka – Lembaga Pengarah Universiti (LPU), mengikuti Retreat Lembaga Pengarah Universiti Bersama Pengurusan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang diadakan pada 5 hingga 7 Mac 2016 di Hatten Hotel, Melaka.

Program tersebut diadakan bertujuan untuk memperkasakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah Universiti selaras dengan elemen-elemen yang digariskan di dalam *University Good Governance Index (UGGI)*, menggariskan tindakan pelaksanaan yang perlu dimainkan oleh LPU UPSI dan pihak pengurusan kanan

UPSI dalam usaha untuk menjana kewangan UPSI dan untuk mengkaji semula pencapaian halatuju UPSI bagi tahun 2015- 2016 agar matlamat tersebut bersesuaian serta bergerak selari dengan tataraca *Outcome Based Budgeting (OBB)*.

Antara isu yang dibincangkan ialah halatuju dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Pengantarabangsaan, penyelidikan dan govenan, penjaanan kewangan, *wow factor* iaitu pendidikan awal kanak-kanak, ICT, dan modul pendidikan guru, persaingan antara universiti awam dan swasta dan *ranking of university*.

BIL	SENARAI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI	JAWATAN
1	TAN SRI DATO' SRI ABI MUSA ASA'ARI MOHAMED NOR,	PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
2	PROF. DATO' DR. ZAKARIA KASA	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
3	DATUK PROF. DR. ASMA ISMAIL	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
4	DATO' SERI ABDUL PUHAT MAT NAYAN	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
5	DATO' DATUK DR. KHAIR MOHAMAD YUSOF	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
6	TAN SRI DATO' DR. MOHD NOOR ISMAIL	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
7	DATUK AZIZAH HAJI ARSHAD	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
8	PROF. DATO' DR. IBRAHIM AHMAD BAJUNID	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
9	DATO' HAJI AHMAD HAJI BURAK	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
10	PROF. DR. OTHMAN LEBAR	AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
	PENGURUSAN UNIVERSITI	
1	PROF. DR. MOHD SAHANDRI GANI HAMZAH	TIMBALAN NAIB CANSOLOR AKADEMIK DAN ANTARABANGSA
2	ACP (KEHORMAT) PROF. MADYA DATO' PADUKA DR. JUNAIDI ABU BAKAR	TIMBALAN NAIB CANSOLOR HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
3	PROF. DATO' DR. NORAINI IDRIS	TIMBALAN NAIB CANSOLOR PENYELIDIKAN DAN INOVASI
4	EN. MOHD FAIZI OTHMAN	PENDAFTAR
5	PN. KHADIJAH HAMDAN	BENDAHARI
6	PN. RUSLIZA YACOB	KETUA PUSTAKAWAN
7	EN. AJHAR EINI	PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA BENDA
8	EN. HELMI ZAIFURA ABDUL RAHMAN	KETUA TIMBALAN PENDAFTAR BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
9	PN. ETTY WIDAYU SAMSUNGEI	PEGAWAI UNDANG-UNDANG





SEVEN NOTES JOHAN BATTLE OF THE BAND



UPSI, 9 Mac 2016 – Kumpulan Seven Notes terdiri daripada tujuh anak muda dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, UPSI dinobatkan Johan Battle Of The Band (Terbuka & IPT) : Mashup Battle yang diadakan pada 5 Mac 2016 di Auditorium Utama sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai RM 2,000.00, sijil penyertaan dan juga hamper. Tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh kumpulan yang datang dari Kuala Lumpur iaitu SkyMC dan M16. Masing-masing membawa pulang hadiah berupa RM 1,500.00 dan RM 1,000.00 berserta sijil penyertaan dan hamper. Manakala lima lagi anugerah terbaik iaitu Anugerah Vokalis Terbaik dimenangi oleh Mohamad Suhaimi Rapaad (SkyMC), Anugerah Kibodis Terbaik oleh Adam Aqmal Azmi (SkyMC), Anugerah Gitaris

Terbaik oleh Zulhelmey Ajis (Oxygen), Anugerah Pemain Bass Terbaik oleh Faizal Hamzah (Oxygen) dan Anugerah Pemain Drum Terbaik oleh Mohd Hafidz Hussain (Cropox).

Program anjuran Pusat Kebudayaan yang diadakan buat pertama kalinya mengetengahkan konsep Mashup Battle bertujuan memberi peluang dan ruang kepada bakat-bakat muda mempamerkan kebolehan menggarap idea-idea yang segar dalam berkarya dan menjadikan budaya kreatif dalam persaingan sebagai salah satu alternatif dalam membentuk gaya hidup yang sihat dan positif. Menurut Pengarah Pusat Kebudayaan, En. Nurfaizal Fariz Sahdan, "Mashup" merupakan salah satu cabang baru dalam industri muzik Malaysia. Ia melibatkan proses transformasi muzik (penggabungan dan penyulaman vokal dan instrumentasi) secara berterusan daripada dua lagu atau lebih menjadi sebuah lagu. Fenomena ini merupakan fenomena baharu di Malaysia dan semakin mendapat tempat dikalangan masyarakat kerana ia merupakan garapan idea baharu dan segar dalam proses susunan semula muzik.

"Mashup ialah Penggabungan dan Penyulaman Vokal Lagu A dan Lagu B secara serentak menjadi sebuah lagu dan menggunakan "groove" (tempo, rentak) yang sama dan penyulaman 'RIFF' (boleh berlaku mengikut kreativiti pemuzik) iaitu frasa gitar yang pendek, panjangnya hampir selalu satu, dua, atau empat bar, yang berulang pada berbagai posisi dalam sebuah komposisi. Riff boleh di 'transpose' (dipindahkan ke posisi fingerboard yang lain ketika kord-kord berubah) atau boleh dimodifikasi sedikit atas perubahan kord," katanya. "Manakala komposisi lagu yang dipertandingkan adalah berdasarkan kreativiti kumpulan, dua lagu mesti di 'mashup' kan untuk peringkat saringan manakala tiga lagu di 'mashup' kan pada peringkat akhir di mana masa yang diperuntukkan tidak melebihi lapan minit" Turut bertanding Rejected, 90 Pokok, Cropox, Cendol, Enigma Band, Oxygen, The Diarys, Portzero, Mayang Sari dan FaSoLa.



WARGA UPSI TUNAIKAN SOLAT SUNAT GERHANA MATAHARI



UPSI, 9 Mac 2016 – Warga UPSI tidak melepaskan peluang menunaikan solat sunat gerhana matahari yang diadakan oleh Pusat Islam pada 9 Mac 2016 bertempat di Surau An-Nur. Solat sunat yang diadakan pada pukul 8.30 pagi itu diimamkan oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam, Dr. Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi.

Beliau juga membacakan khutbah gerhana sebagai peringatan untuk mengingatkan kekuasaan dan kebesaran Allah S.W.T.

Sementara itu, di Kampus Sultan Azlan Shah, warga UPSI turut berkumpul di kawasan tempat letak kereta blok 4, untuk melihat keindahan gerhana matahari.

Teks Khutbah Gerhana Matahari boleh dimuat turun di <http://jaipk.perak.gov.my/my/muat-turun-dokumen/category/47-khutbah-khas-2016.html>.



SEMINAR “RUMAHKU SYURGAKU: PELIHARA DIRIMU DAN KELUARGAMU”



UPSI, 10 Mac 2016 - Berikutan peningkatan masalah dalam institusi kekeluargaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menganjurkan seminar “Rumahku Syurgaku: Pelihara Dirimu dan Keluargamu”. Seminar membincangkan faktor yang perlu diambil kira untuk mengelakkan berlakunya keretakan dalam sesebuah keluarga seperti aspek kewangan, cara didikan anak-anak, dan sikap yang sepatutnya diamalkan oleh pasangan untuk melahirkan keluarga bahagia.

Seminar dirasmikan oleh Dato’ Haji Razali Shahbudin, Timbalan Ketua Pengarah JAKIM (Pembangunan Insan). Beliau turut menyampaikan ucapan bertajuk “Membudayakan Perencanaan Keluarga Mengikut Acuan Rasulullah S.A.W”, di mana beliau menyatakan banyak pasangan yang berpisah kerana mereka tidak memahami hakikat-hakikat yang diperlukan dalam sesebuah perkahwinan menurut Islam. Oleh itu, perlu mengenal pasti struktur di dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan memahami tanggungjawab mereka untuk membina sebuah keluarga seperti Rasulullah S.A.W dan mereka perlu mempunyai ilmu khususnya dalam bidang agama untuk merealisasikan perkara tersebut.

Sementara itu, Naib Canselor Prof. Dato’ Dr. Zakaria Kasa, dalam ucapannya menyatakan, seminar itu bertujuan untuk

memberi pemahaman khususnya kepada suami isteri tentang ilmu keibubapaan, kekeluargaan, dan munakahat. Beliau juga berharap seminar tersebut dapat memberi inspirasi kepada para peserta di samping menyedari kepentingan ilmu dalam kehidupan mengikut syariat Islam.

Seminar dimulakan oleh Nur Akmar Yaakub, Pengurus Bahagian Pendidikan Kewangan Agensi Kaunseling dan Pengurusan (AKPK), memberi kesedaran berkaitan kewangan keluarga melalui kertas bertajuk “Petua Bijak Mengurus Kewangan Keluarga”.

Satu sesi forum dengan tajuk “Keluarga Bahagia Aset Akhirat” yang menampilkan dua panel iaitu Pn. Suzana Shazali, Perunding Psikologi & Guaman Syari’e dan Prof. Madya Dr. Mohd Nor Mamat, Timbalan Dekan Akademik Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM). Antara isu yang dikupas termasuklah faktor yang membawa kepada kebahagiaan suami isteri, peranan suami untuk membimbing keluarga supaya berjaya di dunia dan akhirat, dan tips-tips untuk mengecapi ketenangan rumah tangga. Forum dikendalikan oleh Ustaz Muhammad Hasbi Abdul Rahman, Pensyarah Fakulti Sains dan Kemanusiaan UPSI.



“FUN WITH ENGLISH” MENDAPAT SAMBUTAN LUAR BIASA



Oleh: Zuniza Mohamed Hanapiah
Akademi Pendidikan/Sekolah Makmal

UPSI – Akademi Pendidikan/Sekolah Makmal buat pertama kali menganjurkan Program “Fun With English” pada 15 hingga 16 Mac 2016 di Dewan SITC. Program menggunakan Modul Bahasa Inggeris yang dibangunkan oleh Prof. Dato’ Dr. Tunku Mohani Tunku Mohtar, dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi selaku ketua projek.

Penyertaan terdiri daripada 130 pelajar sekolah rendah sekitar Daerah Muallim. Rata-rata peserta sangat teruja dengan setiap slot yang diatur iaitu *spelling, debate, action*

songs, language games, drama, show & tell serta *tongue twisters*.

Program yang diadakan sempena cuti sekolah ini bertujuan menarik minat murid kepada mata pelajaran Bahasa Inggeris, meningkatkan keyakinan murid untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dan memupuk kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan murid.

Program “Fun With English” bertepatan dengan Perancangan dan inisiatif strategik Sekolah Makmal UPSI yang disusun ke arah mewujudkan satu sistem pendidikan holistik dan integrasi yang menekankan aspek kerohanian, sikap dan nilai.



PANGKALAN DATA KANAK-KANAK NEGARA DIRASMIKAN



UPSI, 16 Mac 2016 – YABhg Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, isteri Perdana Menteri Malaysia yang juga Penaung Permata Negara merasmikan Sistem Pusat Data Kanak-Kanak Kebangsaan (National Child Data Centre -NCDC) yang dikelolakan oleh Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Kanak-Kanak Negara (NCDRC), UPSI pada 8 Mac 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, NCDRC.

Menurut Datin Seri Rosmah Mansor, sistem itu berperanan sebagai pangkalan data dan profil kanak-kanak di bawah umur empat tahun yang menghadiri taman asuhan kanak-kanak (Taska) di seluruh negara.

"Dalam konteks Permata Negara, NCDC bertanggung jawab dalam menyemak laporan berkaitan perkembangan kanak-kanak yang menerima pendidikan di Pusat Anak Permata Negara dan menyalurkan maklumat mengenai penyelidik dan pakar dalam bidang asuhan dan didikan awal kanak-kanak."

"Sistem ini merupakan langkah yang strategik, holistik dan komprehensif bagi memastikan kanak-kanak mendapat pendidikan awal yang berkesan berdasarkan kurikulum

PERMATA Sistem NCDC juga bertepatan dengan hasrat PERMATA untuk meningkatkan kualiti pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di negara ini kerana melalui data yang terdapat dalam sistem itu, PERMATA boleh memantau kelayakan pendidik dan pengasuh bagi memantapkan kualiti pendidik dan pengasuh melalui penawaran program latihan yang bersesuaian," katanya.

Tambah beliau, sehingga kini, sistem tersebut terbukti berjaya menjadi pusat rujukan bagi pendidikan awal kanak-kanak dengan Seramai 75,500 kanak-kanak seluruh Malaysia dipantau dan telah diprofilkan.

"Justeru, demi masa depan anak-anak kita, saya menyarankan agar NCDC menjadi pusat rujukan yang ulung kepada mereka yang ingin mendapatkan data berkaitan dengan pendidikan awal kanak-kanak dari seluruh Malaysia dan antarabangsa," katanya.

Hadir sama Pro-Canselor UPSI, Tan Sri Dr. Yahaya Ibrahim, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris dan Pengarah NCDRC, Prof. Dr. Sophia Md. Yassin.



UPSI TUAN RUMAH PERSIDANGAN PEMANTAPAN CITRA KENEGARAAN (COSNA4)



UPSI, 16 Mac 2016 - Buat pertama kali UPSI menjadi tuan rumah bagi Persidangan Pemantapan Citra Kenegaraan (COSNA4) yang diadakan pada 13 hingga 15 Mac 2016.

COSNA4 bertemakan "Kenegaraan Mencorak Masa Hadapan" ini diadakan dengan kerjasama Kluster Perpaduan Nasional, Majlis Prof. Negara, Institut Kajian Hubungan Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institut Kajian Latihan Dan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Persidangan tahunan siri keempat ini dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup berobjektif mengumpulkan bahan atau penulisan ilmiah yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran kursus hubungan etnik, kenegaraan, TITAS, Pengajian Malaysia dan pendidikan, menyediakan wadah wacana ilmu tentang perkara yang berhubung kait dengan masyarakat di Malaysia dan juga kajian perbandingan dengan negara lain dan menyediakan ruang untuk perkongsian ilmu dalam kalangan ahli akademik, penyelidik, para ilmuwan, pendidik, pembuat dasar dan tokoh profesional dalam membincangkan pembinaan negara.

Ucaputama pada siri kali ini menampilkan Timbalan Pengerusi Majlis Prof. Negara/Pengarah Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Bahrudin, Ketua Kluster Perpaduan Nasional, Majlis Prof. Negara, Prof. Dr. Mansor Mohd Noor, Pengarah Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Gandasan a/l Letchumanan dan Dekan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia yang juga merupakan Ahli Kluster Perpaduan Nasional, MPN Prof. Dr. Amir Hasan Dawi.

12 Subtema yang dibentangkan dalam COSNA4 ialah Pembangunan, Govenan Dan Politik, Pendidikan Sekolah Dan Masyarakat, Identiti, Kesedaran, Kebangsaan Dan Pandangan Dunia, Golongan Muda Dan Pergerakan Sukarelawan Masyarakat, Undang-Undang Jenayah Rasuah Dan Keadilan, Keselamatan, Globalisasi Dan Hubungan Antarabangsa dan Teknologi, Komunikasi Alam Sekitar Dan Kesihatan.

Turut diadakan Citra Kenegaraan Siswa "Membudayakan Pemikiran Akademik Mahasiswa", Citra Kenegaraan I, Citra Kenegaraan II, Citra Kenegaraan III, Interaksi Bersama Prof. dan Bengkel Pelan Perpaduan Nasional.



LIGA FUTSAL IPT SERLAH BAKAT PELAJAR



Oleh : Muhammad Hafizi Husaini

UPSI, Proton City, 17 Mac 2016 - Menyedari kepentingan bersukan dalam usaha untuk mengekalkan gaya hidup sihat, UPSI dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dan Persatuan Bolasepak Malaysia menganjurkan Liga Futsal IPT Piala Menteri Pengajian Tinggi 2016 (LFIPT) yang disertai hampir 1000 atlet melibatkan 11 pasukan lelaki dan 11 pasukan wanita dari IPT seluruh Malaysia.

Dalam liga ini terdapat empat pusingan yang perlu dilalui oleh setiap pasukan iaitu Pusingan Kelayakan LFIPT yang berlangsung di UPSI hingga 21 Mac 2016, Pusingan 1 LFIPT yang berlangsung di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 19 hingga 23 Mei 2016 dan Pusingan 2 LFIPT yang

akan diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 1 hingga 5 September 2016. UIAM turut terpilih sebagai lokasi untuk Pusingan Akhir LFIPT yang akan berlangsung dari 29 September hingga 2 Oktober 2016.

Sejurus acara perasmian, yang disempurnakan oleh Setiausaha Bahagian Sukan di Kementerian Pendidikan Tinggi, En. Hazally Jali di Arena, Kompleks Sukan, UPSI berlangsung, perlawanan antara pasukan UPSI menentang pasukan dari International Islamic College Pasukan-pasukan yang terpilih untuk mara ke Pusingan 1 LFIPT akan diumumkan pada 21 Mac 2016. Turut hadir Dr. Ruhaibah Yazani Tengah, Pengarah Pusat Sukan UPSI, En. Roestam Effendi Sijar, Ketua Pusat Sukan dan Pembangunan UIAM, dan En. Sharel Rizel Dzahari, Pegawai Sukan Kanan UIAM yang juga merupakan Pengarah LFIPT.



UPSI RANGKUL KEJUARAAN SUTRA 2016

SINTOK, KEDAH - Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menyertai temasya Sukan SUKSI Zon Utara (SuTRA) 2016 yang berlangsung pada 18 sehingga 19 Mac 2016 di Kompleks Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah.

Pasukan SUKSI UPSI membanggakan universiti apabila berjaya menjadi juara keseluruhan bagi temasya SuTRA 2016 ini. Temasya sukan ini melibatkan anggota-anggota Kor SUKSI daripada lima buah universiti Malaysia, iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang (UiTM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sendiri. Temasya SUTRA dianjurkan setiap tahun mengikut giliran antara lima buah universiti tersebut dan pada tahun ini, Kor SUKSI UUM menjadi tuan rumah untuk temasya sukan kali ini.

Ketua Kontinjen merangkap Adjudan Kor SUKSI UPSI, Mohamad Najib Mohamed berkata terdapat lapan jenis

sukan yang telah dipertandingkan dalam temasya SuTRA kali ini, iaitu bola sepak, bola jaring, futsal (lelaki dan perempuan), bola baling (lelaki dan perempuan), badminton (lelaki dan perempuan), tenis (lelaki dan perempuan), bola tampar (lelaki dan perempuan) serta double-discipline. Kor SUKSI UPSI menghantar peserta untuk kesemua jenis acara sukan dan berjaya membolot 9 pingat emas, 2 perak dan 2 gangsa untuk muncul sebagai juara. Tempat kedua dimenangi oleh Kor SUKSI UUM manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kor SUKSI USM.

Beliau berkata temasya sukan itu dapat merapatkan hubungan sesama Kor SUKSI dan menyemai semangat kesukanan yang tinggi dalam kalangan anggota Kor SUKSI.

"Semoga penganjurannya yang berterusan dapat meningkatkan mutu sukan dan gaya hidup sihat khususnya dalam kalangan anggota Kor SUKSI," katanya.



RAJA PERMAISURI PERAK TUANKU ZARA RASMI NCDRC



UPSI, Proton City, 21 Mac 2016 – Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim yang juga Canselor UPSI berkenan merasmikan National Child Development Research Centre (NCDRC), UPSI, di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Projek yang siap sepenuhnya pada 28 Februari 2013 ini ialah projek yang diluluskan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-10, Projek Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi sebanyak RM 7 juta. Ia dibina bagi menyokong dasar-dasar pelaksanaan di bawah program PERMATA Negara.

Prasarana di NCDRC melibatkan blok pentadbiran, blok penyelidikan, taska, tadika, *toy library*, *kids kitchen*, *bilik snoezelen*, *edible garden*, *wading pool*, *sandpit*, *sensory intergraded gym*, dewan serba guna dan dewan makan.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, "NCDRC bertanggungjawab mewujudkan pangkalan data kanak-kanak Malaysia dengan kerjasama pihak kerajaan, swasta dan NGO yang terlibat secara langsung dengan menetengahkan isu penjagaan kesihatan, kebajikan,

pemakanan, perundangan, keselamatan, pendidikan dan asuhan kanak-kanak berumur 0-4 tahun".

"Selain menjadi pusat rujukan pada peringkat kebangsaan, pihak NCDRC juga menerima lawatan dari luar negara, seperti Korea, Jepun, Amerika Syarikat, United Kingdom, Iran, Australia, Singapura dan Indonesia. Pelawat yang datang amat tertarik dan memuji prasarana serta pengalaman pembelajaran kanak-kanak di Taska Permata UPSI dan Tabika Bitara UPSI," katanya.

Hadir sama isteri YAB Menteri Besar Perak, Datin Seri DiRaja Sharifah Zulkifli, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat, Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Pro-Canselor, Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Yahaya Ibrahim, Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman Arshad, dan Pengerusi Lembaga Pengarah UPSI, Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor.



FBK ANJUR WACANA AKADEMIK KHAS



UPSI, 23 Mac 2016 – Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) menganjurkan Program Wacana Akademik Khas, "The First Italian-Malay Dictionary and its Author" bertempat di Auditorium Utama.

Terdahulu program yang dimoderator oleh Prof. Madya Dr. Siti Saniah Abu Bakar dari FBK memperkenalkan penceramah, Mr. Holger Warnk, Pustakawan dari Department of Southeast Asian Studies, Goethe University Frankfurt Jerman yang juga graduan dari Goethe University Frankfurt dalam bidang Pengajian Antropologi Sosial, Pengajian Asia Tenggara dan Prasejarah.

Dalam wacana tersebut, Mr. Holger berkongsi ilmu dan input yang sangat berguna dan bermanfaat kepada pensyarah-pensyarah dan pelajar berkenaan dengan edisi

pertama kamus *Itali-Melayu*.

Sementara itu, menurut Prof. Madya Dr. Siti Saniah, kamus yang diterbitkan pada tahun 1884 itu bukan sahaja merekodkan perkataan bahasa Melayu tetapi juga perbualan seharian yang digunakan di alam Melayu juga dicatatkan dalam kamus tersebut.

"Hal ini kerana mereka perlu berkomunikasi dalam bahasa Melayu jadi perlu ada satu kamus *Itali-Melayu* supaya mereka dapat berkomunikasi dengan orang Melayu. Selain ejaan dalam tulisan rumi, ejaan tulisan jawi turut dimasukkan dalam kamus," katanya.



TAKLIMAT DASAR PEMISAH JAWAB PERSOALAN PENJAWAT AWAM

UPSI, 24 Mac 2016 – Dasar Pemisah mula diperkenalkan pada tahun 2015 untuk mengukuhkan institusi perkhidmatan awam dalam melaksanakan tanggungjawab dan peranan kerajaan. Namun ramai penjawat awam yang ragu-ragu dan kurang arif bagaimana dasar ini dilaksanakan.

Justeru itu, satu Taklimat Dasar Pemisah (*Exit Policy*) Bersama Jabatan Perkhidmatan Awam "Pelaksanaan Dasar Pemisah Bagi Pegawai Yang memperoleh Markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) Di Bawah 60% Tahun 2015" diadakan di Auditorium Utama bagi memberi penerangan dan penjelasan kepada semua warga UPSI, tentang mekanisme dan pelaksanaan Dasar Pemisah (*Exit Policy*) kepada pegawai berprestasi rendah.

Menurut Timbalan Pengarah Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Hasmarulaini Omar, Dasar Pemisah ialah dasar untuk menamatkan perkhidmatan dan membersarakan pegawai yang berprestasi rendah daripada perkhidmatan awam iaitu nilai prestasi tahunan kurang daripada 60% / KPI di bawah sasaran (*below target*).

Tambah beliau, falsafah disebalik dasar ini bukan bertujuan untuk menamatkan perkhidmatan tetapi sebaliknya kerajaan ingin melahirkan pegawai yang berintegriti sekaligus dapat mengekalkan pegawai-pegawai yang komited, berprestasi tinggi, berdaya saing dan dapat menghadapi segala cabaran pada masa akan datang.

"Dari segi kriteria pegawai yang terlibat ialah pegawai lantikan tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan



(markah LNPT kurang daripada 60%, KPI di bawah sasaran, lain-lain instrument penilaian kurang daripada 60%) dan pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan (jika prestasi rendah boleh ditamatkan perkhidmatan dalam tempoh percubaan mengikut peraturan 50, P.U (A) 1/2012," katanya.

"Statistik pada tahun 2015 terdapat 2946 orang pegawai yang prestasinya masih kurang memuaskan dan kita tidak mahu perkara ini berterusan. Dengan adanya dasar ini tahap kesedaran penjawat awam akan semakin meningkat," ujar beliau.

Antara isu lain yang dibentangkan ialah Tapisan Bagi Kumpulan Pelaksana & P&P, Tapisan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ Akademik dan Pasca Perkhidmatan (pencen).

Terdahulu, sebelum majlis anjuran Kesatuan Pegawai Am, UPSI dengan kerjasama Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan IPTA Malaysia (GAKUM) ini berlangsung, satu Mesyuarat Gabungan Majlis Presiden Dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Awam (GAKUM) Bil 1/2016 turut diadakan pada 23 Mac 2016 bertempat di Dewan Konvensyen E-Learning.

KARNIVAL PENDIDIKAN



#jomsambungbelajar



Sempena Sambutan 50 tahun MARA, terdapat pelbagai peluang pendidikan serta aktiviti menarik bagi pelajar lepasan SPM/STPM dan orang ramai



BRIGED WARTAWAN BKK SERTAI BENGKEL WARTAWAN KADET

IPOH, 26 Mac 2016 – Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) membentuk pasukan sukarelawan yang dikenali sebagai Briged BKK untuk membantu dalam pelbagai aktiviti. Salah satunya Briged Wartawan. Bagi memastikan Briged Wartawan mendapat latihan, seramai sembilan orang pelajar termasuk tiga orang kakitangan BKK telah menyertai Bengkel Wartawan kadet anjuran Utusan Malaysia. Bengkel yang diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Gopeng adakah anjuran Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan kerjasama Utusan Malaysia, sempena Karnival Pendidikan MARA 2016.

Bengkel Wartawan Kadet yang dibuat khas untuk melatih dan memberi pendedahan awal serta tips berguna kepada mereka yang berminat menceburi bidangewartawanan. Bengkel dikendalikan oleh Penolong Pengarang Utusan Malaysia, En. Zulkifli Hamzah. Beliau berkongsi tips menjadi wartawan berjaya. Bengkel yang berlangsung selama satu jam itu berakhir dengan sesi cabutan bertuah.



JUARA JORAN KPA 2016



Foto: Ihsan Fb Pentadbir KPA UPSI

Batang Kali, 28 Mac 2016 - Encik Tahir Nuruddin dinobatkan sebagai pemenang utama pertandingan memancing sempena pertandingan Juara Joran Kesatuan Pegawai Am (KPA) setelah berjaya menaikkan ikan siakap seberat 1290 gram sekaligus membawa pulang hadiah kemenangan berupa wang tunai RM500.00.

Menurut Encik Tahir yang juga pemandu di UPSI, beliau berasa gembira dan teruja apabila dinobatkan sebagai pemenang pertandingan itu dan berharap hadiah kemenangan dapat ditambah pada masa akan datang.

Sementara itu, Presiden KPA, Puan Nazeema Bebe Mohamed Yusof berkata, keseluruhan program anjuran kali pertama Biro Sukan & Rekreasi, KPA yang diadakan di Kolam Memancing Happy Pond, Batang Kali itu mendapat sambutan baik.

"Sambutan yang diterima sangat menggalakkan dengan penyertaan seramai 30 orang peserta terdiri daripada ahli kesatuan, warga UPSI dan penyertaan luar dan Insya-Allah pada masa akan datang cabaran pertandingan ini akan diadakan bukan sekadar di kolam tetapi di laut untuk keseronokan kaki pancing," katanya.

Tempat kedua dimenangi oleh Roslyzam Safian dengan ikan seberat 1255 gram, tempat ketiga dimenangi oleh Encik Khairuzzaki Abdul Ghapor dengan ikan seberat 1240 gram, tempat keempat dan kelima dimenangi oleh peserta luar iaitu, Encik Muhammad Dhiyauddin dengan ikan seberat 1225 gram dan Encik Muhammad Naim dengan ikan seberat 1200 gram. Turut diadakan cabutan hadiah misteri dan cabutan bertuah.



TRIBUTE BUAT PROF. DR. SUHAILY



UPSI, 28 Mac – Suasana pilu menyelubungi Panggung Budaya, Fakulti Muzik & Seni Persembahan sebaik sahaja dokumentari kisah perjalanan seorang ikon Sukarelawan UPSI, Allahyarham Prof. Dr. Suhaily Yusri Che Ngah mula ditayangkan.

Ramai teman seperjuangan, keluarga, pelajar, dan barisan tertinggi universiti yang hadir menonton tayangan dokumentari khas terbitan Pusat Kebudayaan UPSI tidak dapat menahan sebak sewaktu Majlis Pelancaran & Tayangan Perdana Potret Suhaily.

Pada awal tayangan dokumentari berdurasi 1 jam 30 minit itu memaparkan kisah perjalanan sebuah pasukan sukarelawan daripada Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan UPSI yang dikenali ResQ UPSI yang bertanggungjawab melakukan lima misi pembersihan yang dijalankan di seluruh jajahan Kuala Krai, Kelantan serta temu bual bersama keluarga dan rakan-rakan perjuangan yang terlibat secara langsung bersama arwah.

Menurut, Pengarah Pusat kebudayaan, En. Nur Faizal Fariz Sahdan, pembikinan 'Potret Suhaily' memakan masa selama 6 bulan 9 hari.

"Ia mula dirakamkan pada awal bulan November iaitu selepas 14 hari pemergian Allahyarham Prof. Dr. Suhaily Yusri dalam kemalangan jalan raya di kilometer 13.5 Jalan Gua Musang-Kuala Krai pada 8 Oktober 2015 ketika dalam perjalanan untuk membuat persiapan majlis penyerahan

11 rumah bantuan banjir yang dijadualkan pada 9 Oktober 2015," katanya.

Tambah beliau, pihaknya kini sedang merancang untuk menjelajah ke-18 buah IPT bagi menayangkan dokumentari berkenaan.

Terdahulu dalam majlis anjuran dan hasil kerjasama Himpunan Mahasiswa Anak Kelantan (HIMSAK) UPSI, HIMSAK Kebangsaan, Pusat Kebolehpasaran Graduan (GEC), UPSI, ResQ UPSI, Fakulti Muzik & Seni Persembahan, Majlis Perwakilan Pelajar UPSI, Persatuan Geografi (PERGEO) itu, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Haji Ahmad Haji Burak berkata, banyak kenangan manis dan pahit ditempuhi beliau sewaktu bersama-sama arwah dalam pembinaan rumah transit kepada mangsa-mangsa banjir di Kelantan.

Turut diadakan Majlis Penyampaian Penghargaan Misi Bantuan Kemanusiaan 2014 kepada individu dan kumpulan yang terlibat dalam Misi Bantuan Menyelamat & Misi Bantuan Kemanusiaan Bah Kuning di Kuala Krai, Kelantan pada tahun 2014 dan 2015.

Hadir sama Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Mantan Naib Canselor, Prof. Emeritus Dato' Dr. Aminah Ayob, balu arwah, Puan Rini Shahrizah Mohamed dan keluarga.



DIALOG BERSAMA KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI



UPSI, 30 Mac 2016 – Majlis Dialog Bersama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Prof. Dr. Asma Ismail diadakan di Dewan Konvensyen, E-Learning bagi memberikan gambaran dan perkongsian ilmu khususnya mengenai hala tuju dan perancangan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sebagaimana yang termaktub di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) Pendidikan Tinggi kepada warga UPSI.

Dalam ucapan bertajuk '*Moving Forward Higher Education In 2016*' beliau membentangkan tentang Lanskap Pendidikan Tinggi, Cabaran Pendidikan Abad-21, Pengaruh Globalisasi dan Ekonomi Global, Senario Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, dan langkah-langkah yang perlu dilakukan pada tahun 2016 berpandukan Amanat Menteri Pendidikan Tinggi.

Sementara itu, menurut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, sesi perkongsian maklumat daripada pihak kementerian itu, amat penting kepada warga UPSI, kerana pihak universiti juga telah membangunkan Pelan Strategik Universiti Pendidikan Sultan Idris (PSUPI) 2015-2020,

bagi memastikan UPSI sentiasa bergerak seiring dengan perkembangan di peringkat Pendidikan Tinggi.

"Justeru, dikesempatan ini, saya mengajak semua warga UPSI yang hadir agar dapat memanfaatkan ruang yang ada ini untuk mengambil seberapa banyak ilmu dan pengalaman yang boleh daripada pembentangan". Semoga ia akan menjadi pencetus semangat, motivasi serta panduan kepada kita untuk terus menggerakkan pelan strategik dan hala tuju universiti sebagaimana yang dicita-citakan," ucap beliau.

Pengarah, Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Raha Abdul Rahim juga menyampaikan ceramah ringkas berkisar tentang geran penyelidikan.

Hadir sama Ahli Lembaga Pengarah, Dato' Haji Ahmad Haji Burak, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd. Sahandri Gani Hamzah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar dan Pendaftar, En. Mohd Faizi Othman.



83 PASUKAN BERENTAP DI KEJOHANAN PENCAK SILAT UPSI DAN JEMPUTAN ANTARABANGSA KE-7



UPSI, 1 April 2016 – Sebanyak 85 pasukan bakal berentap dalam 4 kategori yang dipertandingkan dalam Kejohanan Pencak Silat UPSI Dan Jemputan Antarabangsa Ke-7 anjuran UPSI, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) yang berlangsung di Dewan Kolej Ungku Omar dari 30 Mac hingga 3 April 2016.

Empat kategori yang dipertandingkan ialah Kategori Institut Pengajian Tinggi yang melibatkan 24 acara, Kategori Sukma & Terbuka Antarabangsa, melibatkan 25 acara, Kategori Remaja, melibatkan 12 kelas silat olahraga dan Kategori Dewasa Berkumpulan, melibatkan 10 kelas silat olahraga.

Menurut, Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air, Datuk Zainol Fadzi Paharuddin merangkap Presiden PESAKA Perak, yang mewakili Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak, kejohanan itu bukan sekadar memperkasakan dunia persilatan sebaliknya apa yang penting ialah elemen untuk merapatkan silaturahmi, memupuk perpaduan melalui kebudayaan dan kesukanan. sekali gus pemerksaan kebudayaan dan sukan dapat disuburkan serta turut mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

"Kita di Nusantara Melayu rapat dengan dunia persilatan bangsa kita. Apa yang dilakukan pada hari ini menjurus kepada kita untuk mengingati susur galur seni warisan bangsa yang diwarisi beradab lamanya."

"Syabas kepada UPSI atas usaha berterusan bagi meningkatkan martabat seni silat dengan menganjurkan pencak silat sama ada di peringkat dalaman mahupun antarabangsa," katanya.

Beliau turut berharap agar lebih banyak institusi dapat menganjurkan pertandingan sedemikian kerana ia bersesuaian dengan hasrat kementerian untuk menggalakkan aktiviti silat di peringkat sekolah, sekaligus mengangkat perjuangan guru-guru silat demi membela masa depan seni warisan bangsa.

Sementara itu, Fiona Azlani, 23, Ketua Kontinjen Singapura, berkata penganjuran kejohanan ini merupakan satu langkah yang bijak dalam usaha memartabatkan lagi seni silat di seluruh negara. Menurut beliau, di samping penyertaan yang memberangsangkan setiap kali penganjuran, setiap peserta juga amat teruja kerana mereka sememangnya amat menantikan penganjuran kejohanan itu.

Fiona yang menceburi bidang seni mempertahankan diri selama 12 tahun, mewakili Singapura sebanyak 6 kali ke UPSI berharap agar Singapura dapat membawa pulang lebih banyak pingat emas berbanding di kejohanan sebelum ini.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni, ACP (K) Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar; Pengurus Besar Sukan dan Pencak Silat, Datuk Osman Nok dan Pengarah Pusat Sukan Dr. Ruaibah Yazani Tengah.



O-MART UNTUK GALAK PELAJAR BERNIAGA



UPSI, 1 April 2016 – Selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) dalam lonjakan yang pertama, iaitu Graduan Holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi mengorak langkah menubuhkan Our-Mart.

Menurut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa beliau amat yakin penubuhan O-Mart dapat dijadikan sebagai 'platform' untuk para pelajar menimba pengalaman sebenar menjalankan perniagaan.

"Aktiviti yang berbentuk 'hands-on' ini adalah sangat wajar dilaksanakan sebagai pelengkap kepada ilmu-ilmu yang dipelajari di dalam bilik kuliah. Saya berpandangan, penubuhan O-Mart ini juga dapat membuka peluang pekerjaan kepada pelajar secara *part-time*, yang membolehkan para pelajar menjana kewangan sendiri bagi membiayai perbelanjaan sara hidup sewaktu belajar di universiti."

"Saya berharap pelajar-pelajar yang terlibat dalam perniagaan O-Mart ini akan terus mempelajari selok belok, jatuh bangun perniagaan, dan jangan cepat berputus asa, kerana tanpa pengalaman yang dilalui ini, tidak akan menjadikan kita seorang yang berjaya," katanya.

Tambah beliau, pengoperasian O-Mart akan dijalankan oleh para pelajar FPE sendiri, malahan idea asal diilhamkan oleh beberapa orang pensyarah fakulti yang bertanggungjawab mengurus dan menyelia perjalanan perniagaan tersebut. Selain itu, bagi tujuan membantu aktiviti pelajar pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) turut memberi sumbangan kepada O-Mart.

Hadir sama Dekan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Prof. Madya Dr. Hamidah Yusof dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Puan Hj. Wan Maizura Wan Zahari.



JALINAN MESRA JPJKK DAN UPSI BERSAMA KOMUNITI



UPSI, 2 April 2016 - Mengambil pendekatan masyarakat merupakan mata dan telinga Polis Diraja Malaysia, UPSI dengan kerjasama Jabatan Pencegahan Jenayah & Keselamatan Komuniti Bukit Aman (JPJKK) telah mengadakan Program Jalinan Mesra JPJKK dan UPSI Bersama Komuniti Sekitar Tanjong Malim.

Hampir 400 peserta menyertai kayuhan basikal yang turut disertai oleh Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti, Bukit Aman, Dato' Acryl Sani Hj. Abdullah dan Tim. Naib Canselor (HEPA), Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar. Pelepasan peserta dilakukan oleh Pendaftar, UPSI, Mohd Faizi Othman.

Menurut Pengarah Program, Mohd Yusri Ishak, para peserta akan mengedarkan brosur berkaitan pencegahan jenayah kepada penduduk setempat di Proton City, Kota Malim Prima, Arena Square dan Taman Bahtera. "Setiap tempat yang dikunjungi mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat," tambahnya lagi. Sementara itu, Polis Diraja Malaysia juga membuat pameran di Arena Square, Tanjong Malim.

Dalam ucapan penutup, Pengarah JPJKK, CP Dato' Acryl Sani berkata, " dalam melaksanakan agenda pendidikan negara, UPSI sebagai salah satu institusi pendidikan awam

juga berperanan dalam mengadakan perhubungan yang baik dengan agensi seperti Polis Diraja Malaysia dan masyarakat setempat terutamanya dalam usaha meningkatkan pencegahan jenayah dan kesedaran terhadap kesan negatif jenayah".

Menurutnya lagi, sebagai agensi utama di negara ini, PDRM akan terus menyokong dan sentiasa memberikan bantuan kepada mana-mana pihak dalam memperjuangkan keselamatan dan mengekalkan keharmonian negara kerana pencegahan jenayah serta keselamatan komuniti bukan sahaja terletak di bahu pihak polis semata-mata dengan tema Hari Polis ke-209, 2016 "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada".

Dalam majlis yang sama, turut disampaikan anugerah kepada sepuluh orang anak anggota polis yang cemerlang di UPSI. Majlis anjuran Majlis Perwakilan Pelajar, UPSI dengan kerjasama Jabatan Pencegahan Jenayah Keselamatan dan Komuniti.

Turut hadir ke majlis tersebut, DCP Dato' Hasnan Hassan, Timb. Ketua Polis Negeri Perak, Koordinasi Sumber Sokongan JPJKK Bukit Aman, SKC Dato' Mazlan Kesah, dan Ketua Polis Daerah Muallim, Supt. Ahmad Mat Isa.



UPSI SEMARAK PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



UPSI, 6 April 2016 - Dalam usaha untuk menyemarakkan lagi budaya pembelajaran sepanjang hayat, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan High Point Education Group Sdn. Bhd. memeterai Memorandum Perjanjian (MoA), dalam satu majlis yang diadakan pada 31 Mac 2016. Usaha ini adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) dalam lonjakan yang ke-3 iaitu Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Dalam majlis tersebut, Naib Canselor UPSI iaitu Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, "projek "smart-partnership" antara UPSI dengan High Point Education Group Sdn. Bhd. ini adalah berkonsepkan pembelajaran sepanjang hayat dan bersifat "win-win situation" di mana proses pengajaran dan pembelajaran akan berlangsung di Pusat Pembelajaran Kuala

Lumpur Queens College manakala pengisian program dan tenaga pengajar adalah daripada UPSI". Beliau juga berharap dengan MoA yang termeterai antara kedua-dua pihak tersebut, masyarakat luar sama ada yang telah berkerjaya atau yang belum berkerjaya akan memilih UPSI sebagai laluan mereka untuk meneruskan pengajian, khususnya bertempat di Pusat Pembelajaran Luar Kuala Lumpur ini.

Menurut Pengarah Urusan High Point Sdn. Bhd. High Point Education Group Sdn. Bhd. Tuan Haji Hanafiah Mohd Yunus perjanjian ini merupakan salah satu kerjasama strategik dalam usaha untuk meningkatkan mutu pendidikan negara. Di akhir ucapannya, beliau berharap UPSI dan High Point Education Sdn. Bhd. dapat bekerjasama dalam menjayakan aktiviti-aktiviti untuk keuntungan kedua-dua pihak.



FSK DEDAH PENGETAHUAN EL-NINO



beserta rekod-rekod berkaitan suhu di Malaysia, purata hujan bulanan, kitaran kerakaman iklim, El-Nino/ La Nina, kawasan-kawasan pemantauan, dan status terkini El-Nino.

Menurut Dekan Fakulti Sains Kemanusiaan, Prof. Dr. Zainuddin Othman, isu El-Nino perlu diketengahkan bukan sahaja kepada warga kampus sebaliknya perlu ada pihak bertanggungjawab yang dapat menjelaskan isu itu kepada komuniti bagi memberi pengetahuan, panduan dan meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai pengurusan fenomena tersebut khususnya para pelajar:

"Isu ini perlu diketengahkan bukan setakat di dalam kampus. Alangkah bagusnya, sekiranya ada pelajar dapat menjelaskannya kepada komuniti. Jadi saya berharap apabila pulang ke kampung kelak untuk bercuti pada minggu hadapan, pelajar dapat menerangkan isu ini kepada komuniti," katanya sewaktu merasmikan Program Wacana Ilmu itu.

Selain itu, beliau turut berharap agar semua pihak dapat melakukan persediaan awal untuk menghadapi bencana itu pada masa akan datang khususnya dari segi persiapan bekalan makanan kerana fenomena tersebut dilihat mampu menjejaskan tanaman dan bekalan makanan.

UPSİ, 6 April 2016 – Bagi meningkatkan kesedaran dan melahirkan generasi pendidik yang lebih peka dan prihatin terhadap isu-isu perubahan cuaca dan iklim sejagat, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan dengan kerjasama Persatuan Geografi (PERGEO) menganjurkan program Wacana Ilmu 2016 bertemakan El-Nino Dan Pengaruhnya bertempat di Dewan Seri Tanjung.

Dalam ceramah yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Iklim Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia, Encik Jailan Simon, beliau membentangkan secara terperinci bagaimana terjadinya El-Nino, isu berkaitan iklim Malaysia, monsun



MAHASISWA UPSI TEROKAI DUNIA FOTOGRAFI



UPSI, 7 April 2016 - Seramai 87 orang mahasiswa dan mahasiswi UPSI menyertai program Bicara Fotografi Bersama Nikon Malaysia anjuran bersama Integrated Media Club dan Pelajar-Pelajar Kursus MRG 3014 (Fotografi Digital & Pengimejan) yang diadakan pada 6 hingga 7 April 2016, di Dewan SITC.

Menurut Pengarah Program, Che Muhamad Akram Che Muhamad Kamil, program itu adalah bertujuan membuka minda dan memberi inspirasi kepada para peserta tentang keunikan dan ilmu pengetahuan yang berguna tentang teknologi yang diguna pakai dalam dunia digital komunikasi visual yang semakin diminati pada masa kini.

"Menerusi program ini juga, peserta dapat mempelajari asas kepenggunaan peralatan fotografi dan videografi dengan lebih mendalam lagi seterusnya mengaplikasi ilmu tersebut dalam menyiapkan kerja-kerja kursus menerusi proses P&P serta dapat mempelajari sesuatu yang amat berguna daripada pakar luar yang berpengalaman luas dalam

bidang fotografi dan videografi," katanya.

Tambah beliau, pelbagai acara menarik diadakan sepanjang dua hari program itu berlangsung antaranya Bengkel Foto Tetapan Kamera, "Photo Hunt", Bicara Gambar, dan Bengkel 'Speed Light' atau Perkongsian Penetapan Pencahayaan Studio.

"Selain itu, kami turut mengadakan pameran fotografi di mana gambar-gambar pameran adalah gambar yang diambil semasa sesi lawatan ke Taman Negara pada semester lepas."

"Gambar-gambar ini juga akan dinilai oleh pihak juri dan 20 gambar terbaik akan dicetak dalam saiz besar bagi satu pameran oleh pihak Nikon di Atrium, Bangunan Canselor pada 25 April ini," katanya.

Beliau turut berharap program itu dapat memberi manfaat kepada para peserta serta dapat mengeratkan hubungan industri diantara UPSI dan pihak Nikon yang telah melahirkan ramai pakar serta dinobatkan sebagai pembekal peralatan fotografi dan videografi nombor satu di Malaysia.



FSSKJ MENDAPAT PERHATIAN SMK SUNGAI KAPAR INDAH



UPSI, 7 April 2016—Sebagai salah sebuah universiti yang menawarkan program sains sukan di negara ini, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima kunjungan daripada pelajar Tingkatan 6 Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Kapar Indah, Klang, yang mengambil mata pelajaran Sains Sukan. Lawatan yang disertai 28 pelajar dan tiga guru pengiring ini bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada para pelajar tentang bidang sains sukan.

Menurut guru pengiring, En. Md. Zainuddin Tarji, mereka memilih UPSI kerana mempunyai kepakaran hampir

kesemua jenis sukan di Malaysia. Tambah beliau lagi, lawatan ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar tersebut tentang kehidupan dan pembelajaran di universiti.

Taklimat disampaikan oleh Dr. Gunathevan Elumalai, Ketua Jabatan Sains Kesihatan, Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan. Rombongan dibawa melawat kemudahan dan persekitaran Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan.



PELAJAR KAB, UPSI SELAMI BUDAYA MASYARAKAT KEMBOJA



Oleh : Ammar Markruf Abd Hamid

Siem Reap, KEMBOJA – Majlis Mahasiswa Kolej (MMK) Kolej Kediaman Kolej Aminuddin Baki, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan "Jejak Masyarakat di Bumi Kemboja" yang disertai oleh 23 mahasiswa kolej berkenaan. Program ini telah dijalankan dari 9-12 April 2016 di Perkampungan Stheng Thmey, Siem Reap Kemboja.

Sepanjang program berlangsung pelbagai aktiviti dijalankan seperti interaksi dan mengajar pelajar sekolah agama, menyampaikan sumbangan, dan melawat tempat bersejarah. Menurut, Mohd Raizol Ramli yang juga pegawai pengiring, lawatan ke Kuil Angkor Wat, Angkor Bayon, Muzium Perang Kemboja dan Tasik Tonle Sap memberi peluang kepada pelajar mengetahui sejarah pembangunan di negara Kemboja.

Fatin Amirah Amiruddin selaku Pengarah Program Jejak Masyarakat di Bumi Kemboja berkata, "program ini sedikit sebanyak membuka hati kami tentang kehidupan golongan

minoriti Islam di negara asing. Terlalu banyak kekurangan yang dapat dilihat sepanjang kami berada di bumi Kemboja ini. Barang keperluan seperti makanan halal, alat-alat tulis, al-Quran dan kelengkapan lain amatlah sedikit dan terhad".

Pelajar juga berpeluang merasai sendiri pengalaman memasuki kawasan-kawasan yang menempatkan keluarga-keluarga yang tidak berkemampuan. Sedikit sumbangan disampaikan kepada beberapa buah keluarga bagi meringankan beban yang dihadapi mereka.

Tambah Fatin Amirah, "walaupun program ini hanya berlangsung dalam masa yang singkat, namun pengalaman yang diperoleh amat bernilai dan membuka mata peserta yang bakal menerajui masa hadapan negara. Program seumpama ini perlulah dilakukan dengan lebih kerap dan konsisten bukan sahaja daripada pihak pelajar, bahkan masyarakat Malaysia sendiri. Program seumpama ini diharapkan mampu menjadi pemangkin bagi pelajar mempraktikkan nilai-nilai murni dan sifat-sifat kepimpinan bukan sahaja bagi individu malahan secara berkumpulan dan bermasyarakat".



DUA PELAJAR UPSI TERIMA PINGAT TUNKU 2015



Kuala Lumpur, 18 April 2016-Sathish Rao Appalanaidu dan Haziq Azree Yazid menerima Pingat Tunku 2015 yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh dalam Majlis Penyampaian Anugerah Pingat Tunku 2015 yang diadakan pada 18 April 2016 di Auditorium, Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Lumpur, anjuran Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Sathish Rao Appalanaidu, 25, anak kelahiran Bagan Datoh, Perak menerima pingat Emas dan turut membawa pulang emas padu seberat 3.2gm beserta wang tunai RM5000.00. Sathish merupakan graduan dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Moral) dengan kepujian PGNK: 3.93 dan kini melanjutkan pengajian di UPSI dalam bidang Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan).

Untuk rekod, Sathish penerima Outstanding Achievement Award, Pergerakan Wanita MIC Kebangsaan 2015, Best Achievement Award, Malaysia Telegu Foundation 2015, Royal Education Gold Medallist 2015, First Indian Student to Deliver Valedictorian Speech at 17th UPSI Convocation 2015, Award For Perak State's Best Students In Academic, Sijil Dekan, UPSI (semua semester 2014/2015).

Manakala Haziq Azree Yazid, 25, graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) menerima

pingat Perak. Beliau turut membawa pulang perak padu seberat 3.2 gm dan wang tunai RM3000.00. Haziq Azree kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Pendidikan dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di UPSI.

Haziq Azree pula pernah menerima Anugerah Khas Kepimpinan 2015, Anugerah Dekan (semua semester 2014/2015), Anugerah Kaunselor Muda Harapan 2015, Anugerah Penulisan Ilmiah Terbaik 2015, Anugerah Keterampilan Pelajar (AKTP) 2014, Anugerah Tokoh Siswa 2014, Anugerah PGNK Tertinggi 2014, Anugerah Persatuan Kaunseling Antarabangsa Malaysia (PERKAMA) 2013.

Pencalonan untuk Pingat Tunku 2015 ini dibuat oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam dan pemilihan calon dilakukan oleh satu panel khas terdiri daripada ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tunku Abdul Rahman.

Untuk melayakkan diri dipertimbangkan bagi menerima hadiah tersebut graduan mestilah mencapai purata gred kumulatif sekurang-kurangnya 3.80, sangat aktif serta mencapai kecemerlangan dalam bidang ko-kurikulum sepanjang pengajian di peringkat sarjana muda.



SUPER ZA'BA JOHAN BAHARU KIESTA 2016



UPSI, 18 April 2016 – Super Za'ba mengungguli Karnival Sukan Staf UPSI (KIESTA) 2016 yang bermula dari 9 hingga 14 April dengan pungutan pingat, 14 emas, 10 Perak dan satu gangsa. Kontigen di bawah pimpinan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, ACP (K) Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar ini dibarisi oleh 100 orang atlit. Tempat kedua dimenangi oleh Sri Lanang dengan pungutan pingat 12 emas, 10 perak dan empat gangsa. Pasukan dibarisi 70 orang atlet di bawah pimpinan Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Sahandri Gani ini pernah muncul johan keseluruhan KIESTA untuk tiga tahun berturut-turut.

Tempat ketiga dimenangi oleh Ungku Omar. Pasukan di bawah pimpinan Ketua Pustakawan, Puan Rusliza Yaacob ini berjaya memungut enam pingat emas, tiga perak dan 14 gangsa serta mendapat tempat ketiga Perarakan Kontijen Terbaik KIESTA.

Tempat keempat dimenangi oleh Harun Aminurrashid dengan pungutan lima emas, tiga perak dan empat gangsa. Harun Aminurrashid turut membolot dua lagi hadiah iaitu tempat kedua Perarakan Kontijen Terbaik dan Maskot Terbaik KIESTA.

Dikedudukan kelima ialah Rahman Talib dengan pungutan empat emas, lima perak dan 10 gangsa. Tempat keenam ialah Kapten Yazid dengan pungutan empat emas, lima perak dan tujuh gangsa.

Tempat ketujuh ialah Ahmad Bakhtiar dengan pungutan tiga emas, 13 perak dan empat gangsa dan kelapan ialah Aminuddin Baki dengan pungutan tiga emas, tiga perak dan tujuh gangsa. Walau pun di kedudukan terbawah prestasi pasukan di bawah pimpinan Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Dr. Noraini Idris ini tidak mengecewakan kerana buat pertama kalinya berjaya menjadi Johan Perarakan Kontijen Terbaik KIESTA 2016.



KAKITANGAN CEMERLANG TERIMA APC 2015

UPSI, 20 April 2016 – Universiti Pendidikan Sultan Idris meraikan 147 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015 yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dato' Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor bertempat di Auditorium Utama.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang itu diadakan pada setiap tahun bagi menzahirkan penghargaan kepada warga Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mempamerkan kesungguhan dan iltizam yang tinggi dalam mendokong visi dan misi universiti.

"Kejayaan-kejayaan ini bukan sahaja dapat membantu melonjakkan kecemerlangan staf di jabatan masing-masing bahkan juga melambangkan prestasi kecemerlangan organisasi UPSI itu sendiri. Walaupun anugerah-anugerah ini diberikan kepada staf yang terpilih sahaja untuk tahun 2015 berdasarkan kouta yang telah ditetapkan, namun bagi saya, semua staf telah memberikan perkhidmatan yang terbaik demi membangunkan UPSI yang kita sayangi ini," katanya.

Naib Canselor turut mengingatkan warga UPSI agar memberikan perhatian serius mengenai Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai KPI yang ditetapkan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, laporan tersebut digunakan untuk tujuan pengesahan jawatan, kenaikan pangkat dan untuk tujuan pencalonan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan kakitangan yang memperoleh Markah LNPT Di Bawah 60% Tahun 2015, dianggap sebagai kakitangan berprestasi rendah dan gagal mencapai KPI yang ditetapkan dan dianggap berada di bawah sasaran (below target).



"Adalah difahamkan, berdasarkan Peraturan 50, P.U (A) 1/2012, kriteria pegawai yang dianggap berprestasi rendah ialah pegawai lantikan tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan (markah LNPT kurang daripada 60%, KPI di bawah sasaran, lain-lain instrument penilaian kurang daripada 60% dan pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan (jika prestasi rendah boleh ditamatkan perkhidmatan dalam tempoh percubaan)," tegas beliau.

Turut diadakan Pemberian Insentif PhD 2015 kepada tujuh orang kakitangan akademik dan Anugerah Khas Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) 2015 kepada kumpulan Oasis, dari Perpustakaan Tuanku Bainun dan Kumpulan V-Tech, dari Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Harta Benda.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Mohd. Sahandri Gani Hamzah, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar dan Pendaftar, En. Mohd Faizi Othman.



UPSI-LUNCAI EMAS JALIN KERJASAMA



UPSI, 22 April 2016 - Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) kini mengorak langkah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Luncai Emas Sdn. Bhd. bertujuan kerjasama dalam bidang latihan industri.

Pengarah Urusan Luncai Emas Sdn. Bhd. Dato' Mohd Nasir Mohamed, merupakan penyanyi, penggubah lagu, dan pelakon terkenal di Malaysia berkata, pihaknya ingin menjadikan MoU ini sebagai asas untuk menyalurkan pengalaman kepada para pelajar:

"Objektif kami di Luncai Emas ini, ingin menjadikan kerjasama ini sebagai platform untuk menyalurkan pelbagai pengalaman, penciptaan lagu dan lirik, kemahiran kreatif dan pengurusan seni kami selama ini."

"Melalui kerjasama ini, saya berharap dapat memberi impak dan pengalaman kepada para pelajar jurusan seni khususnya dan juga kepada warga UPSI keseluruhannya," katanya dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Luncai Emas Sdn. Bhd. yang diadakan di BC 2-7, Bangunan Canselori.

Melalui MoU ini, FMSP dan Luncai Emas akan mengadakan kerjasama dalam bidang latihan industri dan praktikal, penghasilan karya seni secara kolaborasi dan pertukaran kepakaran untuk tempoh 5 tahun.

Selain itu, kedua-dua pihak turut bersetuju untuk melaksanakan program-program yang melibatkan penghasilan karya seni pencarian bakat baharu dalam bidang seni muzik seperti komposisi penulisan lirik, dan pengubahan lagu. Selain itu, pelajar juga berpeluang untuk terlibat dalam pengurusan pentas dan mengendalikan konsert berskala besar.

MoU ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah dan Pengarah Urusan Luncai Emas Sdn. Bhd, Dato' Mohd Nasir Mohamed.

Hadir sama, Pendaftar, En. Mohd Faizi Othman, Dekan FMSP, Prof. Madya Zaharul Lailiddin Saidon dan wakil dari Luncai Emas Sdn. Bhd.



“THE GIVING PROJECT” CERIAKAN PESAKIT



UPSI, 21 April 2016 - Kelab Pembangunan Jabatan Pengurusan Pembangunan dan Harta Benda (JPPHB) dengan kerjasama Bahagian Komunikasi Korporat dan Pusat Islam UPSI mengadakan program “The Giving Project “ bertempat di Hospital Slim River bagi menceriakan para pesakit hospital tersebut.

Program yang disertai oleh 19 sukarelawan itu diadakan bertujuan untuk mendekatkan UPSI dengan komuniti setempat melalui pemberian kit “The Giving Project” hasil sumbangan daripada insan-insan yang prihatin.

Selain beramah mesra, bertanyakan khabar dan memberikan sokongan moral, pasukan sukarelawan juga turut memberikan penerangan berkaitan panduan solat ketika sakit kepada pesakit muslim agar mereka dapat menunaikan kewajipan walaupun sedang sakit.

Menurut Pengerusi Kelab JPPHB, En. Fait Hanafi, sepanjang program mereka sempat melawat Wad Orthopedik, Wad kanak-kanak, Wad Bersalin, Wad Psikiatrik, Wad Perempuan, Wad Lelaki dan Wad Pembedahan untuk menyampaikan sedikit sumbangan untuk meringankan beban para pesakit.



UPSI-NIKON PERKUKUH JARINGAN INDUSTRI FOTOGRAFI



UPSI, 25 April - UPSI dan NIKON Sdn. Bhd. kini mengukuhkan kerjasama jaringan industri dalam bidang fotografi dengan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bertempat di Atrium, Bangunan Canselori, Kampus Sultan Abdul Jalil.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, MoU tersebut mengiktiraf hubungan persahabatan yang sedia terjalin diantara UPSI dan NIKON sekaligus meningkatkan hubungan kerjasama yang erat dalam bidang fotografi, khususnya dalam bentuk penyelidikan, perkongsian kepakaran, perundingan dan penerbitan.

Tambah beliau, UPSI menerusi Jabatan Multimedia Kreatif di Fakulti Seni Komputeran dan Industri Kreatif (FSKIK) menawarkan dua program iaitu Ijazah Sarjana Muda Periklanan dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Animasi dengan Kepujian.

"Kedua-dua program dibangunkan selaras dengan keperluan dan kehendak pasaran dalam industri kreatif negara yang dilihat semakin rancak berkembang dan maju. Justeru, menerusi kursus Fotografi Digital dan Pengimejan, para pelajar dari kedua-dua program diterapkan dengan asas fotografi yang mampu memperkasa para pelajar ke arah menjadi insan kreatif yang peka terhadap perkembangan serta dinamika global," ujar beliau.

Sementara itu, Pengarah Nikon (Malaysia) Sdn. Bhd, Encik David Ng Choon Yiak berkata, kerjasama tersebut menandakan permulaan kerjasama Nikon dalam melatih para pelajar dan pensyarah tentang aspek-aspek teknikal dalam bidang fotografi dan videografi.

"Sejajar dengan visi kami untuk menarik bakat-bakat muda dan menyemai rasa menghargai yang lebih mendalam dalam bidang ini, NIKON bakal mewujudkan kelab fotografi dan videografi NIKON di UPSI untuk kemudahan para pelajar dan kakitangan fakulti.

"Justeru, melalui kerjasama strategik menerusi penjenamaan Kelab Fotografi dan Videografi NIKON-UPSI yang dilancarkan pada petang ini akan menjadi platform perkongsian ilmu kepakaran di antara pihak NIKON dengan para pelajar serta tenaga pengajar di UPSI," ujarnya.

Turut diadakan penyerahan hadiah kepada Nurul Hayati Borhan, pelajar semester tiga, Ijazah Sarjana Muda (Animasi), selaku Pemenang Fotografi Terbaik Pameran First Sight yang diadakan sempena program Bicara Fotografi Bersama NIKON Malaysia pada 6 hingga 7 April lalu di Dewan SITC, UPSI. Beliau menerima hadiah berupa kamera DSLR 3300 tajaan NIKON bernilai RM2198.00.



MALAM SANTAI MUHIBBAH ERATKAN PENGHUNI BLOK CHARLIE, KAB

Oleh: Nor Hidayah Dzul-Kifli

Kolej Aminuddin Baki, UPSI, 26 April 2016-Seramai 26 ahli jawatankuasa program berjaya melaksanakan program yang julung-julung kali diadakan oleh Ahli Jawatankuasa Blok Charlie ini. Objektif utama program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan antara penghuni Blok Charlie dengan pihak pentadbiran Kolej Aminuddin Baki. Dengan adanya program ini, ia menampakkan bahawa penghuni perlu melibatkan diri secara langsung sama ada anjuran Majlis Mahasiswa Kolej mahupun Pihak Pentadbiran.

Program yang diterajui oleh Fathennabila selaku Pengarah Program ini mendapat sambutan begitu menggalakkan. Majlis yang dirasmikan oleh En. Muhamad Fawiz Bakri itu, menyediakan pelbagai aktiviti antaranya tayangan montaj, cabutan bertuah dan persembahan nyanyian oleh pelajar.

Menurut peserta program, Jumainih Kassing, beliau berasa gembira dengan penganjuran program pada kali ini kerana beliau dapat mengenali lebih ramai penghuni blok daripada sebelumnya. Selain dari itu, beliau turut menimba ilmu baharu dalam pengurusan majlis untuk kegunaan pada masa akan datang.



UPSI JALIN KERJASAMA DENGAN UGENT TECH SDN. BHD.



UPSI, 27 April 2015 – UPSI kini membina jaringan hubungan dengan Ugent Tech Sdn. Bhd. bagi pemindahan teknologi penghasilan grafिन berskala besar dengan termeterainya Memorandum Perjanjian (MoA) dalam satu majlis yang diadakan di BC 2-7, Bangunan Canselori.

Menurut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, aspek pengkomersialan grafिन merupakan antara agenda Nasional Kerajaan di bawah 'National Graphene Action Plan 2020'. Justeru itu, UPSI melalui Nanoteknologi Research Centre giat menjalankan penyelidikan dalam bidang tersebut.

"Dua orang pensyarah kita, iaitu Prof. Madya Dr. Suriani Abu Bakar dan Prof. Madya Dr. Azmi Mohamed, kini giat menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan berasaskan grafिन melalui kolaborasi dari dalam dan luar negara (termasuk QS

Ranking Top 50-Massachusetts Institute of Technology USA dan University New South Wales Australia)."

"Inisiatif tersebut juga mendapat kepercayaan daripada Direktorat Nanoteknologi Kebangsaan (NND), MOSTI melalui penganugerahan geran penyelidikan bertajuk "Large Area Graphene Thin Film Fabrication and Transfer Process From Exfoliated Graphite" bernilai RM298,750 kepada pihak UPSI," katanya.

Ugent Tech Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusan Encik Tom Khoo Hai Hing. Turut hadir Pengarah Ugent Tech Sdn. Bhd. Puan Tong Mei Ling, Pendaftar, En. Mohd. Faizi Othman dan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Dr. Tajul Shuhaizam Said.



UPSI MUNCUL JUARA DEBAT KENEGARAAN

Oleh: Muhammad Fawiz Bakri

Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi 26

April – Pasukan Debat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dinobatkan Johan, Pertandingan Debat Kenegaraan yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pasukan Debat UPSI berjaya menewaskan Pasukan Debat dari Universiti Teknologi Petronas (UTP). Dengan Usul “Jika Saya Perdana Menteri Malaysia, Reformasi Kabinet Akan Disegerakan”. Pasukan debat UPSI diwakili oleh Ku Mohd. Syafiq Ku Fozi dan Canigia Udin Anak Ben, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu.

Menurut Ku Syafiq, “Kami bersyukur atas kemenangan ini kerana untuk melepasi setiap saringan bukanlah semudah yang disangkakan kerana memerlukan ketekunan membuat kajian, rajin meneroka sesuatu isu dan cuba berfikir secara kritis. Sudah semestinya kami berharap agar pasukan debat UPSI terus konsisten dalam melakar kejayaan pada masa akan datang.” Pertandingan tersebut telah berlangsung selama 4 hari, 3 malam dan berjaya menghimpunkan pendebat universiti seluruh Malaysia.

Pasukan UPSI yang menjadi Johan sulung bagi pertandingan tersebut membawa pulang piala pusingan, hadiah wang tunai sebanyak RM 1500.00 dan piala iringan. Hadiah disampaikan oleh Tan Sri Panglima Datuk Pandikar Amin Hj. Mulia, Speaker Dewan Rakyat yang turut merasmikan pertandingan tersebut.

Dalam ucapan perasmian, YBhg. Tan Sri Panglima Datuk Pandikar Amin Hj. Mulia berkata, “saya berani nyatakan



di sini dua pendebat yang saya dengar tadi, mereka lebih hebat berbahas dalam perbahasan dan berharap agar momentum tersebut dapat diteruskan pada masa akan datang.” Pertandingan tersebut turut dihadiri Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (TNC HEPA) UPSI, YBhg. ACP Kehormat Prof. Madya Dato’ Dr. Junaidi Abu Bakar, dan TNC HEPA UKM YBhg. Prof. Dato’ Noor Aziah Mohd. Awal.



PEWARIS ANJUR KARNIVAL WANITA ANGGUN UPSI 2016



UPSI, 29 April 2016 - Wanita bekerjaya harus berbangga kerana menjadi seorang wanita yang mampu membahagikan masa serta tanggungjawab antara kerjaya dan keluarga. Namun wanita bekerjaya juga menghadapi cabaran dan dilema.

Justeru, untuk memperluaskan minda tentang kehidupan wanita bekerjaya yang perlu difahami oleh semua lapisan masyarakat, Persatuan Wanita UPSI (PEWARIS) menganjurkan Karnival Wanita Anggun UPSI 2016 "Gaya Hidup Wanita Bekerjaya" pada 27 hingga 29 April 2016.

Pelbagai aktiviti menarik hasil kerjasama Bahagian Komunikasi Korporat, Bahagian Sumber Manusia, Pusat Islam, dan MAKNA diadakan sepanjang tiga hari berlangsungnya karnival tersebut iaitu Larian PEWARIS sempena kempen kesedaran MAKNA yang disempurnakan pelepasannya oleh YB Dato' Rusnah Kassim, Ceramah MAKNA, Kempen Kesedaran Kanser Payu Dara, Senamrobik, Persembahan Seni Mempertahankan Diri, Kempen Derma Darah, Pertandingan Gubahan Bunga dan Hantaran Perkahwinan.

Selain itu, untuk meningkatkan pengetahuan dan keyakinan diri wanita UPSI, PEWARIS turut mengadakan Ceramah 'Gaya Hidup Wanita Bekerjaya' Bersama Ustazah Noor Laila Aniza, Slot 'Serlahkan Keanggunanmu', dan mengadakan Majlis Makan Malam Perdana Wanita Anggun PEWARIS 2016 dengan menampilkan Ella dan Zila Seiras Serima sebagai artis undangan, dan Slot Rudy Ludinata (Perundingan Imej Profesional).



TNC (PI) TERIMA PINGAT BAKTI PERTAHANAN AWAM DAN ANUGERAH KECEMERLANGAN PERTAHANAN AWAM

UPSI-Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi (P&I), Prof. Dato' Dr. Noraini Idris dianugerahkan Pingat Bakti Pertahanan Awam (PBP) dalam Majlis Pemakaian Pangkat Dan Penyampaian Watikah Lantikan Pegawai Bersekutu Pertahanan Awam bersempena Mesyuarat Pengurusan Kor SISWA-SISWI Pertahanan Awam (Kor SISPA) Bil 2/ 2016 yang diadakan di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning baru-baru ini,

Pemakaian pingat dilakukan oleh Yang Amat Setia, Ketua Pengarah Pertahanan Awam, KPj. (PA) Datuk Haji Ogu Salim Umar dan menggunakan gelaran Ketua Pesuruhjaya Kehormat Pertahanan Awam (PPj Kehormat (PA)) Prof. Dato' Dr. Noraini Idris.

Dalam majlis tersebut, Prof. Dato' Dr. Noraini turut menerima Anugerah Kecemerlangan Pertahanan Awam.





BERFIKIR KREATIF JIKA INGIN HEBAT



UPSI, 28 April - Lebih 4000 warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menghadiri program CEO@Faculty Programme oleh Pengerusi Nobel International School, Tan Sri Johan Jaafar, bertajuk *The Red Paper Cup: The Power of Imagination and Creativity*.

Dalam majlis yang berlangsung di Dewan Besar, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City itu, Tan Sri Johan Jaafar yang juga merupakan Mantan Pengerusi Media Prima, menyeru agar mahasiswa berfikir secara kreatif dan berbeza jika ingin berjaya dan menjadi hebat.

Dengan mengambil contoh klip kertas berwarna merah, beliau berkata, ramai orang memandang remeh perkara yang kecil

kerana ia tidak mempunyai makna seperti klip kertas tersebut. Tetapi dengan kuasa imaginasi, kreativiti yang ada pada seseorang ia dapat menukarkan sesuatu yang tidak bernilai menjadi aset.

Mengambil contoh seperti Sir Richard Brand, Mark Zuckerberg (pengasas Facebook), Tony Fernandes (pengasas AirAsia), Jan Koum (pengasas WhatsApp), Tan Sri Lim Kok Wing, Sabri Yunus, katanya, mereka berjaya atas idea kreatif dan, mempunyai kelebihan kerana menggunakan minda kreatif mereka hingga berjaya seperti hari ini.

Tambah beliau mahasiswa UPSI bertuah kerana berpeluang melanjutkan pengajian di sebuah universiti yang hebat dan terkenal dengan sejarahnya yang panjang. Justeru, beliau menyarankan agar mahasiswa UPSI diberi tugas yang mencabar supaya mereka akan berfikir secara kreatif dan inovatif kerana dunia sudah berubah berbanding zaman muda beliau.

"Perubahan kita sekarang berlaku antaranya disebabkan wujudnya Facebook dan Whataspp sebagai saluran berkomunikasi masyarakat berbanding zaman komputer diperkenalkan di negara ini," katanya.

Melalui program CEO@Faculty Programme, UPSI diberi dua orang CEO iaitu Pengerusi Nobel International School, Tan Sri Johan Jaaffar, dan CEO/Founder Openlearning.com, Mr. Adam Brimo. Kedua-dua CEO ini dilantik sebagai Adjung Profesor di UPSI untuk tempoh dua tahun.

Antara tugas CEO adalah untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkaitan dunia korporat bersama kakitangan dan pelajar UPSI melalui program yang dirancang seperti sesi pengajaran bersama bagi kursus tertentu, syarahan umum, bengkel, penasihat program dan kajian kes.



KESATUAN PEGAWAI AM UPSI DIIKTIRAF

UPSI. 1 Mei 2016 – Kesatuan Pegawai Am (KPA), UPSI dianugerahkan Anugerah Kesatuan Sekerja Cemerlang 2016 (Sektor Awam) oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dalam satu majlis yang diadakan bersempena Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2016 di Dewan Tun Razak, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, sekaligus membawa pulang hadiah berupa trofi, cek bernilai RM 6000.00 dan sijil.

Menurut Presiden, Puan Nazeema Bebe Mohamed Yusof, pengiktirafan ini merupakan usaha bersama dengan Pengurusan Universiti.

Beliau turut menjelaskan, kepimpinannya bermula tahun 2011 mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan dalam memastikan segala tuntutan dan perancangan aktiviti selari dengan kehendak mencapai Universiti Pendidikan yang terulung di Malaysia.

"Saya melihat kunci utama kejayaan ini adalah sinergi di dalam barisan kepimpinan saya di antara Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa yang dilantik bersama ahli-ahli. Antara sinergi yang dikenal pasti faham memahami, mengenali kekuatan dan kebolehan, sentiasa muhasabah diri, saling menghormati dan menerima pandangan, integriti, komunikasi yang baik, sentiasa bersyukur dan memperbaiki kesilapan serta terus mempelajari perkara baharu".

"Bagi mencapai tuntutan ahli-ahli dalam memastikan kebajikan terpelihara, konsep yang digunakan **Open Door** oleh Pengurusan Universiti membantu memudahkan urusan-urusan segera. Asam garam lumrah kehidupan pasti ada. Justeru, saya menggunakan medium yang diberikan sebaik mungkin di dalam Majlis Bersama Jabatan yang diadakan setiap tiga bulan dengan penuh bermakna walaupun kadang kala ada perdebatan dan percanggahan pandangan. Melalui konsep berani bersuara dan memberikan pandangan dan teguran melalui mesyuarat yang dihadiri kadang kala menimbulkan kurang sennag juga bagi beberapa pihak. Itulah cabaran yang dihadapi apabila kesatuan membuat teguran, ada yang boleh menerima ada yang tidak boleh itu lumrah alam,".

"Biasanya tuntutan kami adalah yang berasaskan kepada Pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam memastikan kejayaan organisasi setiap kumpulan pekerja merupakan pelengkap antara satu sama lain tanpa mengira pangkat jawatan dan kedudukan," katanya.

Tambah beliau, antara individu yang menjadi rujukan kesatuan dalam mendapatkan pandangan dan nasihat adalah Dato' Omar Osman, Mantan Presiden CUEPACS, Presiden UUM, YM Ku Azmi Ku Ibrahim dan Rakan Strategik, Razak Darus, Setiausaha Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaya.

"Mereka ini sumber inspirasi yang sentiasa memberi sokongan dan semangat dalam memastikan kepimpinan kesatuan berada di tahap hari ini".

"Prinsip kesatuan jika kita berpegang kepada konsep bekerja dalam sebuah pasukan dan bukan silo pasti konsep menerima teguran itu punca kejayaan dan kebersamaan untuk melahirkan idea yang lebih baik. Walaupun yang memberi teguran dan padangan itu pekerja bawahan atau generasi muda kerana setiap daripada kita tidak lari dari melakukan kesilapan termasuklah majikan".

"Melihat kepada senario Kesatuan hari ini, adakala pandangan Generasi Y atau X sukar diterima oleh genarasi Baby Boomers yang mencipta GAP. Dalam perjuangan zaman era globalisasi terdapat perubahan-perubahan yang perlu diikuti dan tidak perlu mencipta masalah demi satu matlamat dalam perjuangan bagi perkhidmatan," ujarnya.

KPA bermula pada 19 Mei 2011 dengan kepimpinan presiden pertama iaitu Pn. Nazeema Mohamad Yusof dan di bantu oleh sembilan Jawatankuasa Tertinggi. Penglibatan KPA bermula di peringkat dalaman bersama Pengurusan Universiti. Kesatuan mula memperluaskan jaringan hubungan di peringkat negeri dan kebangsaan bersama-sama Kementerian Pendidikan Tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Sumber Manusia, INTAN, AKEPT dan agensi kerajaan lain.

KPA kemudiannya diperkukuhkan lagi melalui gabungan bersama GAKUM, CUEPACS, MTSU, MTUC dan majlis bersama kebangsaan badan berkanun seterusnya ke peringkat antarabangsa menerusi International Labour Organization (ILO) di Geneva, Jakarta dan Thailand serta Public Service International (PSI) yang berpusat di Singapura.



GAMIFICATION SEMINAR AND EXHIBITION

UPSI, 6th May 2016 – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) was given the trust to transform teacher education in Malaysia to raise the future generation of the 21st century teachers through the Niche Researcher Grant Scheme (NRGS) programme.

The Deputy Minister of Higher Education, Datuk Mary Yap Kain Ching said, this programme which is funded by the Ministry of Higher Education since 2014, aims to develop and validate a teacher education model.

“The model covers five main aspects of teacher education, which are curriculum, teaching and learning, assessment, teacher leadership and clinical experience and teacher induction”.

“In terms of teaching and learning, creativity and innovation in teaching practice could be revealed through effective and efficient use of information and communication technology (ICT) in the classroom” she said during the launch of UPSI Gamification Seminar & Exhibition 2016 at UPSI Education Research Laboratory, Sultan Azlan Shah Campus, Proton City.

She also said, learning should be fun and teaching should be doubly fun.

“Through gamification, teachers and lecturers can turn their creative teaching and learning ideas into an enjoyable activities for students”.

“To dedicated teachers, the biggest reward we get in teaching is the ‘eureka’ moment demonstrated by our students, in which they transform themselves from unknown to known and then to the mastery of intended knowledge and skills, after going through the learning process we designed. And this should be a key criterion in determining the quality of games used in education,” she said.

Meanwhile, Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation), Prof. Dato’ Dr. Noraini Idris, said that UPSI is extremely delighted to organize such event. This is the first of its kind in Malaysia and everyone is grateful to have speakers from Singapore, UK, and Italy, apart from Malaysia to grace the event by sharing their valuable experience and knowledge in gamification.

“In particular, the NRGS team is working with executive members of the Serious Games Asia Society in order to explore opportunities on gamification for education and game-based learning practices in teacher education. Hence, the genesis of the first UPSI Gamification Seminar and Exhibition, which aims to showcase the achievement and outcomes of research and development (R&D), carried out with the support of and collaboration with various local and international partners, both from the academia and the industry,” said Dr. Noraini.



TIGA PRODUK INOVASI HASIL PENYELIDIK UPSI DIKOMERSIALKAN



UPSI, 6 Mei 2016 - Universiti Pendidikan Sultan Idris, UPSI menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Meas-Tech Solutions Sdn. Bhd. dan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Bukit Merah Arowana Village Sdn. Bhd.

Menurut Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, kerjasama UPSI bersama Meas-Tech Sdn. Bhd. adalah berkaitan dengan membangun dan memasarkan dua produk inovasi hasil penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarah dari Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan iaitu 'Cap Color Interactive (CCI)' oleh Dr. Norkhalid Salimin dan 'IQ-Stick' oleh En. Mohd Izwan Shahril.

"Kerjasama ini bertujuan membekalkan Alat Bantuan Mengajar (ABM) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi dua projek inovasi dengan nilai projek sebanyak RM20,000.00," katanya.

Tambah beliau, Meas-Tech Solution Sdn. Bhd. juga, bersetuju untuk memberikan geran penyelidikan bernilai RM91,000.00 kepada Dr. Norkhalid Salimin dan En. Mohd Izwan Shahril, bagi projek "Field & Testing For Development Of An Intelligent Integrated Devices For Skills And Physical Assessment" yang akan bermula pada bulan Julai 2016".

Manakala kerjasama antara UPSI dengan Bukit Merah Arowana Village Sdn. Bhd., adalah berkaitan dengan penggunaan alat peranti pintar bagi mengasingkan ikan arowana hasil ciptaan pensyarah Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Dr. Che Zalina Zulkifli.

Menurut, Encik Law Cheing Kiat, pemilik Bukit Merah Arowana Village Sdn. Bhd. sebelum ini pernah merantau ke seluruh negara dan belum pernah menemui pengesan peranti pintar seperti itu dan berharap ia dapat memenuhi keperluan pihak Bukit Merah Arowana Village Sdn. Bhd.



“FREE MARKET” UPSI TINGKATKAN AMALAN BERSEDEKAH

Oleh: Nur Syahirah Zarihan

UPSI, 8 Mei 2016 – *Free Market* atau Pasar Percuma merupakan satu usaha dan inisiatif yang sedang berkembang di Malaysia. *Free Market* berkonsepkan pemberian barangan baharu atau terpakai secara percuma kepada pengunjung. Pengunjung yang hadir boleh mengambil apa sahaja barangan yang disediakan dengan syarat perlu memohon dengan sopan dan mengucapkan terima kasih.

Program yang berlangsung di perkarangan Masjid Al-Mursyidin, UPSI bermula pada jam 5.15 petang hingga 6.45 petang. Rata-rata pengunjung yang hadir menzahirkan perasaan syukur dan terima kasih kepada semua yang menyumbang barangan mereka. Majoriti penyumbang merupakan kakitangan UPSI termasuklah Timbalan Naib Canselor (HEPA), YBhg. ACP (K) Prof. Madya Dato’ Dr. Junaidi Abu Bakar.

Salah seorang pengunjung Nurul Afnan Najeeb berkata, “saya hadir bersama rakan-rakan untuk meninjau pakaian

perempuan namun terdapat barangan lain seperti makanan, buku, sejadah, rak tudung, dompet, kaca mata hitam dan kasut. Kami bersyukur dan mendoakan peserta yang mengambil bahagian dimurahkan rezeki pada masa akan datang”.

Menurut Pengarah Program, Ainun Nasihah Adnan, “pada peringkat awal, semua AJK tidak jelas mengenai program ini, namun selepas mendapat gambaran dan sokongan daripada Tenaga Pengajar dan Instruktur, kami berusaha sebaiknya untuk menjayakan program ini. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua AJK yang bertungkus lumus dalam menjayakan program ini, pengunjung yang hadir dan penyumbang “Free Market” UPSI pada kali ini”.

Program seperti ini wajar diadakan setiap semester kerana ia dapat memberi manfaat kepada peserta dan pengunjung. Antara kebaikan dan manfaat didapati daripada penganjuran ini ialah bersedekah masih menjadi amalan dalam kalangan masyarakat. Para pelajar berpeluang untuk berjimat cermat tanpa perlu membelanjakan wang.





PROGRAM JELAJAH IPT BERI PENERANGAN ISU SEMASA



UPSI, 11 Mei 2016 - Bahagian Perancangan Strategik, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Mahasiswa Jabatan Pendidikan Tinggi turun padang untuk memberi penerangan kepada warga UPSI berkaitan dengan isu semasa negara.

Majlis yang diadakan di Panggung Percubaan, Kampus Sultan Azlan Shah dihadiri lebih 300 orang pimpinan mahasiswa. Program berbentuk interaksi dua hala itu, memberi peluang kepada mahasiswa mendapat penerangan daripada pihak kerajaan dan bertanyakan soalan tentang isu semasa dan dasar-dasar negara.

Sesi penerangan tersebut disampaikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, Pejabat Perdana Menteri, YBhg. Dato' Shahlan Ismail. Turut hadir Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi, Dr. Sopian Bujang, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa, Tim. Naib Canselor (HEPA) ACP(K), Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar, Tim. Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof. Dr. Sahandri Gani Hamzah, Pendaftar, En. Mohd Faizi Othman dan pegawai-pegawai kanan universiti.



MELESTARI MEKANISME VERSATIL



UPSI, 15 Mei 2016 - Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Majlis Perumahan Universiti Malaysia, menganjurkan Konvensyen Pemimpin Kolej Kediaman IPT 2016.

Konvensyen yang berlangsung dari 12-15 Mei 2016, itu menghimpunkan lebih 120 pimpinan kolej kediaman IPT seluruh Malaysia. Fokus konvensyen pada kali ini berkaitan dengan penginapan luar kampus. Antara tajuk perbincangan ialah Kehidupan Luar Kampus: Pilihan atau Paksaan, yang dibincangkan oleh dua panel iaitu Prof. Madya Dr. Sopian Bujang Pengarah BPMs, JPT dan Mohd Nur Faris Haslli, UPSI. Konvensyen selama tiga hari menghasilkan tujuh resolusi, yang dibentangkan oleh, Amirul Asyraf Zaidi. Resolusi diserahkan kepada Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa, Prof. Madya Dr. Sopian Bujang.

Memetik kata alu-aluan dalam buku program, Prof. Madya Dr. Sopian Bujang, Pengarah Bahagian Pembangunan

Mahasiswa, KPT berkata, konvensyen yang diadakan selaras dengan Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang yang mempunyai ilmu, akhlak, tingkah laku, set minda dan adab untuk menjadi insan mulia.

Menurut Pengarah program, Mohdmmad Faizol Mohamed Khan, penyertaan pimpinan kolej kediaman dalam konvensyen seperti ini, memberikan kelebihan seperti mendapat kemahiran yang berguna dan mampu memberikan manfaat kepada mahasiswa yang lain. Hal ini dapat membantu mahasiswa untuk menghadapi dunia luar yang penuh cabaran, katanya lagi.

Dalam majlis penutupan konvensyen, turut diadakan pelancaran Buku Garis Panduan Pembangunan Mahasiswa Kolej Kediaman IPT.



PPRN GALAK INDUSTRI DI PERAK



UPSI, 18 Mei 2016 - Seminar dan Bengkel Public-Private Research Network (PPRN) Siri Jelajah Negeri Perak anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama UPSI merupakan satu inisiatif menggalakkan program inovasi berasaskan permintaan dalam memacu peningkatan produktiviti sekali gus mengukuhkan pembangunan ekonomi di negara ini.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, inisiatif tersebut adalah tepat pada masanya, dan UPSI sebagai sebuah institusi pengajian tinggi sedia menyumbang pelbagai khidmat dan kepakaran untuk pembangunan ekonomi negara.

"Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, UPSI turut menyumbang melalui penyelidikan dan penyediaan perkhidmatan kepada komuniti, bekerjasama dengan industri, serta mewujudkan jaringan antara akademik dan kerajaan yang pastinya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara," katanya.

Tambah beliau, UPSI menerusi Pusat Pembangunan Keusahawanan, bertanggungjawab berkaitan dengan pembudayaan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa bagi membolehkan mereka menerokai bidang keusahawanan sebagai sumber alternatif untuk menjana pendapatan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Seminar sehari yang diadakan di Dewan Konvensyen, Bangunan E-Learning dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zaini Ujang.

PPRN menawarkan geran pepadanan untuk projek penyelidikan dan inovasi serta membiayai implikasi kos sehingga RM50,000 bagi setiap projek. Sehubungan itu, komitmen syarikat juga diperlukan dalam kos pembangunan projek mengikut saiz perniagaan masing-masing.

Permohonan program terbuka kepada semua syarikat yang berdaftar di Malaysia khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan sekurang-kurangnya RM50,000 perolehan jualan tahunan. Selain itu, projek yang dicadangkan hendaklah berasaskan kepada permasalahan teknologi atau teknikal yang dihadapi syarikat terhadap produk atau perkhidmatan yang telah dikomersialkan. Skop projek industri yang layak menyertai PPRN ialah isu atau permasalahan berkaitan: (i) inovasi produk; dan (ii) inovasi proses.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari laman sesawang PPRN di alamat www.pprn.mohe.gov.my dan pertanyaan serta pendaftaran boleh dibuat melalui e-mel kepada pprn@mohe.gov.my atau telefon 03-88705090 atau 03-88705085.



TANPA GURU SIAPALAH KITA

UPSI, 16 Mei 2016 – 'Tanpa guru siapalah kita pada hari ini,' ujar Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa sempena Sambutan Hari Guru Peringkat UPSI 2016.

"Kita tahu dengan gurulah kebanyakan kita berjaya menceburi pelbagai bidang pekerjaan yang diperlukan oleh negara demi kemajuan. Saya merasakan kita mempunyai ramai guru yang berkaliber kerana mereka ini perlu menjalani proses latihan sama ada di Institut Pendidikan Guru (IPG) ataupun di universiti. Latihan yang diterima itulah membolehkan mereka dapat mendidik anak-anak bangsa seterusnya dapat memberi sumbangan kepada negara dalam pelbagai bidang," katanya ketika ditemui selepas majlis Sambutan Hari Guru Peringkat UPSI 2016 yang berlangsung di Auditorium Utama.

Tambah beliau, peranan terbesar UPSI kepada negara ialah melahirkan guru di peringkat sekolah menengah dalam pelbagai bidang dan sejak penubuhan UPSI pada tahun 1997, UPSI telah melahirkan hampir 40 ribu orang guru.

Menurut beliau, sumbangan guru-guru amat diperlukan negara untuk memastikan kita dapat melahirkan anak bangsa yang boleh menyumbangkan kepada pembangunan bersesuaian dengan tema hari guru pada tahun ini iaitu, 'Guru Pembina Negara Bangsa'.

Majlis Sambutan Hari Guru UPSI pada tahun ini bertemakan "Pembelajaran Atas Talian" dan simbolik majlis perasmian disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa.



Turut diadakan penyampaian enam anugerah kepada pensyarah sebagai penghargaan atas jasa yang dicurahkan iaitu Anugerah Pensyarah Berintegriti kepada Dr. Nazri Atoh (Fakulti Bahasa dan Komunikasi-FBK), Anugerah Pensyarah Profesional kepada En. Ahmad Khair Mohd Nor (FBK), Anugerah Pensyarah Proaktif kepada Dr. Samsudin Suhaili (Fakulti Sains Kemanusiaan-FSK), Anugerah Pensyarah Kreatif dan Inovatif kepada Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli Saludin (FBK), Anugerah Pensyarah Prihatin kepada Prof. Dr. Kanthasamy Nallusamy (FSK) dan Anugerah Pensyarah Pilihan Pelajar kepada Dr. Yunus Sauman @ Sabin (FSK).

MALAM BUDAYA CIPTA

Celebration of Creativity



8 EMAS, 3 PERAK DI ITEX 2016, MILIK UPSI

UPSI, 18 Mei 2016 – Penyertaan 11 produk hasil inovasi kakitangan UPSI dalam Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa 2016 (ITEX) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 12 hingga 14 Mei 2016 membawa pulangan berbaloi setelah berjaya memenangi lapan pingat emas dan tiga pingat perak.

ITEX'16 mempamerkan lebih 1000 penyelidikan oleh penyelidik universiti, pusat penyelidikan dalam dan luar Negara, sekolah rendah dan menengah, termasuklah sektor swasta dari 22 negara antaranya China, Jerman, Hong Kong, Indonesia, Iraq, Korea, Oman, Filipina, Poland, Rusia, Arab Saudi, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat, Vietnam, Malaysia dan banyak lagi. Tahniyah kepada pemenang.



Bil.	Nama Produk/Projek	Ketua Penyelidik	Pingat
1	Understanding Numeracy Level Model In Enhancing Pupils Higher Order Thinking Skills	Prof.Dato' Dr:Noraini Idris Tim. Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)	Emas
2	UPSI Ejournal	Prof. Madya Dr. Nasir Nayan (Pejabat Karang Mengarang)	
3	Collagen And Calcium Chocolate For Healthy Bones And Joint	Prof. Madya. Dr. Ismail Zainol (Fakulti Sains & Matematik)	
4	Triz Puzzle 2.0: Gamification Of Principles Of Inventive Problem Solving	Prof. Madya Dr. Tan Wee Hoe (Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif)	
5	Bersila – Perabuk Kerja Kanak-Kanak Tadika	Dr. Abdul Aziz Zalay @ Zali (Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif)	
6	The Developemntof An Automated Centralized Remoted Monitoring System (Acrcms) For Rainforest Ecosystem	Dr. Amri Yusoff (Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif)	
7	E-Pengujaan Dan Pentaksiran Digital Bahasa Melayu Sekolah Rendah (E-Sppbm)	Prof. Madya Dr. Adenan Ayob (Fakulti Bahasa Dan Komunikasi)	
8	My Teachers Tryscience	Dr. Aisyah Mohammad Sharif (Makmal Penyelidikan Upsi)	
9	E-Rakan:The Virtual Gateway On Teaching Malay Language Online	Associate Prof. Dr. Dahlia Janan (Fakulti Bahasa Dan Komunikasi)	Perak
10	On Medical Disaster: A Novel Methodology Engine To Triage And Prioritize For "Big-Data" Of Patients With Chronic Heart Diseases Over Telemedicine Based On Integrated Bfawc-Topsis Methods	Dr. Aos Alaa Zaidan (Fakulti Seni Komputeran & Industri Kreatif)	
11	@Edukit: E-One Digital Measurement	Mohd Izwan Shahril (Fakulti Sains Sukan Dan Kejurulatihan)	



UPSI PERKUKUH JAMINAN SISTEM PENYAMPAIAN UNIVERSITI

UPSI, 18 Mei 2016 - UPSI menandatangani Kontrak Perjanjian Perkhidmatan Pemulihan Bencana (Disaster Recovery) bagi Pangkalan Data Utama (Oracle) dan Aplikasi-aplikasi Sistem Maklumat Bersepadu (SMBU) dengan Net2One Sdn. Bhd. bagi memperkukuh dan menjamin sistem penyampaian Universiti.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa berkata, kebergantungan pengurusan dan pentadbiran dalam penyampaian perkhidmatan UPSI kini memerlukan UPSI menyediakan satu pelan penjaminan perkhidmatan bagi menghadapi kegagalan fungsi SMBU.

"Ancaman kepada SMBU adalah dalam pelbagai bentuk seperti kerosakan perkakasan server, kegagalan pangkalan data dan aplikasi atau gangguan bekalan utiliti. UPSI merupakan IPTA pertama yang mengambil langkah proaktif menyediakan perkhidmatan pemulihan bencana bersama pihak industri sejak tahun 2005."

"Sebagai kesinambungan kepada penyediaan perkhidmatan tersebut, UPSI mendapatkan perkhidmatan dengan pihak Net2One menerusi kontrak selama tiga tahun di Pusat Data Synergycloud, i-City Shah Alam," katanya.

Tambah beliau, melalui konteks kerjasama itu, pihak Net2One Sdn. Bhd. akan menyediakan perkhidmatan Pemulihan Bencana bagi tujuan kelangsungan perkhidmatan SMBU.

"Antaranya, dengan membekalkan perkhidmatan Pusat Data kecemasan kepada UPSI iaitu Penyediaan server berasaskan mesin Intel dan mesin SPARC, Pentauliahan semua aplikasi dan pangkalan data SMBU, Pentauliahan perisian replikasi pada semua server, Pentauliahan Global Load Balancer dan WAN Optimizer, Penyalinan data dari



server utama di UPSI ke server Disaster Recovery (DR), Penyediaan sambungan replikasi point-to-point berkelajuan 200Mbps dan Pelaksanaan ujian simulasi DR."

"Kerjasama ini akan memberikan manfaat (win-win situation) kepada kedua-dua pihak, iaitu pihak Net2One mendapat manfaat daripada penyediaan perkhidmatan, manakala pihak UPSI mendapat khidmat kepakaran, pengetahuan dan teknologi bagi memperkukuh dan menjamin sistem penyampaian Universiti," katanya.

UPSI membangunkan perkhidmatan elektronik kampus yang dikenali sebagai SMBU pada tahun 2004. SMBU adalah tulang belakang kepada perkhidmatan universiti yang utama merangkumi aplikasi Kewangan (MyFIS), Sumber Manusia & Pentadbiran (MyHRA), Pelajar dan Akademik (MySIS), E-Pembelajaran (MyGuru2) dan Portal Komuniti Universiti (MyUPSI) dan semua aplikasi tersebut beroperasi secara bersepadu iaitu dengan berkongsi satu pangkalan data tunggal (Oracle)."



KESAMAAN GENDER JANA PERSEFAHAMAN



UPSI, 23 Mei 2016 - Setiap pasangan khususnya dan anggota masyarakat amnya dalam konteks menjalinkan perhubungan perlu mempunyai ilmu dan celik undang-undang agar dapat mempertahankan hak mereka. Hal ini penting bagi memastikan tiada manipulasi berlaku dalam melestarikan kehidupan berharmoni.

Adun Lubuk Merbau, YB Dato' Siti Hasmah Mat Jusak berkata, masyarakat progresif dan bersatu padu adalah cerminan daripada kehidupan yang berharmoni. Kesedaran tentang hak dan pengetahuan undang-undang kekeluargaan dapat membantu masyarakat hidup dalam keadaan yang lebih teratur dan bersistematik, khususnya dalam kefahaman tentang asas-asas perundangan termasuk undang-undang sivil, syariah dan adat yang diguna pakai dalam kehidupan seharian.

"Pengetahuan tersebut harus difahami dan dihayati oleh setiap pasangan, ketua keluarga dan pemimpin masyarakat agar dapat memainkan peranan secara lebih berkesan demi menjana institusi keluarga dan kemasyarakatan yang harmoni."

"Menyedari hakikat keruntuhan institusi keluarga dan kemasyarakatan boleh menjadi lebih kritikal sekiranya langkah-langkah proaktif tidak dijana bagi mengatasi permasalahan tersebut, maka golongan wanita perlu diperkasakan agar mereka mengetahui hak serta boleh memainkan peranan dalam bersama-sama berganding bahu bagi pembangunan

negara," katanya sewaktu merasmikan Majlis Penutupan Program Literasi Undang-Undang 2016 "Respek Wanita: Kesamaan Gender dan Menjana Persefahaman Dalam Institusi Kekeluargaan" yang berlangsung di Auditorium Utama, UPSI.

Tambah beliau, sebagai langkah untuk memartabatkan golongan wanita dalam pembangunan negara dan memperkasakan lagi institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan di negara ini, kerajaan negeri Perak melalui Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Pelan Tindakan Inklusif Wanita Perak 2015-2020 yang boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan kedudukan wanita di negeri Perak.

"Pelan ini mengandungi perancangan yang komprehensif dan holistik dengan memberi tumpuan kepada lima fokus utama, iaitu Pembangunan Kapasiti dan Pengupayaan Wanita, Pembangunan Keusahawanan Wanita, Kesihatan, dan Keamanan Wanita dan Pemantapan Institusi Keluarga".

"Peningkatan ini akan membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dalam semua aspek kehidupan termasuk pembinaan keluarga bahagia dan masyarakat penyayang. Sesungguhnya sumbangan wanita sangat diperlukan dalam menjana dan membangunkan ekonomi, sosial, pendidikan dan politik di negeri Perak dan juga negara," ujar beliau.

Turut diadakan Forum Kesaksamaan Gender Dalam Pembangunan Negara: Apa Peranan Saya?, mengetengahkan Mantan Pengarah Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender, Universiti Sains Malaysia, Prof. Dato' Dr. Rashidah Shuib dan Pakar Gender Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Prof. Madya Dr. Jamaluddin Aziz sebagai panel dan Pengarah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Selangor Encik Mohd Hazimin Jamaludin selaku moderator serta ceramah, Wanita Sebagai Anak, Isteri, Ibu dan Pekerja: Peranan Lelaki Ke Arah Menjana Persefahaman Dalam Intitusi Keluarga oleh Ustaz Muhammad Hanafiah Abdul Malik.



MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU / INDONESIA ASEAN

“เสริมสร้างความเป็นเอกภาพภาษา/อินโดนีเซียสู่ประชาคมอาเซียน”

Anjuran : Universiti Fatoni, Thailand dan Universiti Pendidikan Sultan Idris
dengan kerjasama : Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan dan Alumni UPSI Chapter Thailand

25 Mei 2016
Park View Hotel & Resort, Pattani

BAHASA MELAYU MAMPU BERKEMBANG

Pattani, Selatan Thailand, 25 Mei 2016 - Bahasa Melayu berpotensi menjangkau peringkat antarabangsa jika 300 daripada 700 juta orang Melayu di Asia Tenggara bertutur bahasa Melayu.

Rektor Universiti Fatani, Thailand, Prof. Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya berkata sebanyak 129 universiti di dunia menggunakan bahasa Melayu membabitkan 40 negara di dunia dan ia masih perlu diperluaskan.

Malah, katanya, lebih membanggakan apabila bahasa Melayu dituturkan lebih 400 juta orang Melayu seluruh dunia dan kita harus berusaha Melayu dilihat hebat.

“Di Thailand dengan mengambil contoh perkembangan bahasa Melayu di Pattani, kebanyakan kitab yang dipelajari di Pattani dalam bahasa Melayu dan bertulisan Jawi,” katanya.

Di Thailand sahaja katanya, lebih 300,000 menggunakan bahasa Melayu dan 14 universiti menawarkan program bahasa Melayu membabitkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda, sarjana serta doktor falsafah.

Seminar Memartabatkan Bahasa Melayu /Indonesia ASEAN Ketiga yang berlangsung di Park View Resort, Park View Resort bertujuan membincangkan isu memperkaya dan memperkasakan penggunaan bahasa Melayu di peringkat Asia Tenggara.

Seminar kali pertama diadakan pada 2012 mencetuskan penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Thailand manakala kali kedua pada 2014 mendorong kepada 14 universiti di Thailand menawarkan program bahasa Melayu.

“Generasi hari ini di Thailand kurang menggunakan bahasa Melayu dan usaha perlu dilakukan supaya penggunaannya lebih meluas.

Bangsa Melayu perlu berfikir secara energetik supaya tidak mengaku kekalahan identiti kita sendiri dengan memperlihatkan amalan budaya dan agama.

“Bahasa Melayu sebagai bahasa keempat dunia, dan kita perlu berbangga dengan bahasa Melayu, tonjolkan identiti kita

sebagai bahasa Nusantara,” katanya di hadapan lebih 200 peserta.

Selain bahasa Melayu, beliau menyarankan agar menguasai bahasa Inggeris, Cina serta bahasa Arab yang perlu difahami sebagai bahasa ibadah seharian umat Islam.

Sementara itu Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa dalam ucapan bertajuk “Memperkayakan Kekuatan Jaringan Pendidikan Bahasa Melayu di ASEAN” berkata, “UPSI dan semua institusi pengajian tinggi ASEAN perlu mengukuhkan jaringan antarabangsa dalam memartabatkan bahasa Melayu”.

“Jika bangsa Melayu sendiri tidak mengamalkan penggunaan bahasa Melayu, bahasa lain akan mengambil tempat dan pengalaman masyarakat di Satun, Thailand yang hanya 20 peratus menggunakan bahasa Melayu perlu menjadi iktibar,” katanya.

Lebih 50 kertas kerja dibentangkan oleh sarjana dari Malaysia membabitkan UPSI, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), serta Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), sementara dari Thailand wakil dari Universiti Fatoni dan Prince Songkhla University. Indonesia menyaksikan sarjana dari Universiti Muhammadiyah Surakarta, IKIP Budi Utomo serta Universitas Negeri Semarang.

Sempena seminar turut diadakan forum bertajuk “Hala Tuju Pengajian bahasa Melayu” membabitkan panel Exco Pendidikan Terengganu, Ghazali Taib; Ketua Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Dr. Zulkifli Osman; pensyarah Universitas Muhammadiyah, Indonesia, Prof. Dr. Markhamah; Pengarah Yayasan Kebajikan As Salah, Nongkai, Laos, Ustaz Osman Omar, serta pensyarah Prince Songkhla University, Prof. Madya Dr. Worawit Baru. Forum dikendalikan Pengarah Alumni, Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ali.



ANUGERAH SUKAN UPSI 2015 HARGAI ATLET



UPSI, 26 Mei 2016 – Pusat Sukan dan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Pendidikan Sultan Idris menganjurkan Majlis Anugerah Sukan UPSI 2015 kepada atlet yang mengharumkan nama universiti bertempat di Dewan Bankuet, Dewan Besar KSAS.

Dalam majlis yang dirasmikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa itu, sebanyak 11 kategori anugerah diperuntukkan kepada pelajar dan staf.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Sahandri Gani Hamzah, Pendaftar, Encik Mohd Faizi Othman, Dekan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Prof. Dr. Amir Hasan Dawi, dan Pengarah Pusat Sukan, Encik Mohammad Faez Mohamad Alias.

Bil.	SENARAI ANUGERAH	SENARAI CALON	SUKAN
1	Anugerah Olahragawan	Jamalluddin Mohamed Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	Kayak
2	Anugerah Olahragawati	Nur Jannah Alias Fakulti Pengurusan dan Ekonomi	Pencak Silat
3	Anugerah Bintang Harapan Lelaki	Muhammad Irfan Abu Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	Kayak
4	Anugerah Bintang Harapan Wanita	Nur Syafiqah Hamzah Fakulti Pendidikan Pembangunan Manusia	Pencak Silat
5	Anugerah Pasukan Terbaik	Pencak Silat	
6	Anugerah Pengurus Terbaik	Nurdiyana Mohammad Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	Pencak Silat
7	Anugerah Jurulatih Terbaik	En. Mohd Fauzi Sayudin	Sofbal
8	Anugerah Tokoh Sukan UPSI	Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa Naib Canselor	
9	Anugerah Sekalung Budi	Dr. Ruaibah Yazani Tengah Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan	
10	Anugerah Pengerak Sukan UPSI	Ajhar Eini Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda	Golf
11	Anugerah Atlet Terbaik (Kakitangan)	Nordin Yahya Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA)	Golf



ANUGERAH KECEMERLANGAN STAF 2015

UPSI, 8 Jun 2016 – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), buat kali keempat mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf 2015 (AKS) yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah bertempat Auditorium Utama. Anugerah diberikan kepada staf UPSI yang cemerlang dalam bidang masing-masing pada tahun 2015.

Datuk Dr. Abu Bakar berkata, universiti merupakan lubuk ilmu, melahirkan cendekiawan dalam pelbagai bidang, menghasilkan pelbagai inovasi demi kesejahteraan rakyat, seharusnya semua pihak bekerjasama untuk menyemarakkan pembudayaan inovasi untuk kemajuan negara.

Tambah beliau, produk yang dicipta berdasarkan penyelidikan dan kepakaran pensyarah sewajarnya diterima masyarakat dan dimanfaatkan sebaik mungkin.

“Penerimaan masyarakat terhadap produk oleh tenaga pakar negara ini mencerminkan keyakinan dan kepercayaan terhadap kepakaran dan kualiti produk tempatan.”

“Justeru, masyarakat perlu menyokong usaha yang dijalankan oleh penyelidik sebagai usaha pengkomersialan dan inovasi yang boleh digunakan mengikut bidang keusahawanan masyarakat atau industri,” katanya.

Ujar beliau, kurangnya sokongan masyarakat dan tidak berminat terhadap kepakaran dalam negara menimbulkan kekusaran kerana produk pengkomersialan itu bukan untuk dibeli oleh Kementerian sahaja, malahan masyarakat perlu menerima pakai produk yang dicipta itu.

“Walaupun kerajaan membeli pelbagai produk inovasi kira-kira RM30 juta dan diberikan kepada yang memerlukan, namun kita mengharapkan penerimaan masyarakat dengan membeli pelbagai hasil ciptaan berkenaan,” katanya.

Beliau turut menyarankan agar penyelidik di negara ini memberi fokus terhadap kepakaran masing-masing dan kurang menimbulkan rasa ketidakpuasan hati terutamanya dalam hal remeh-temeh jika hendak mengubah masyarakat dan menyeru generasi muda terpelajar belajar bersungguh-sungguh dan kreatif untuk membina masa depan dan membayar cukai apabila bekerja supaya manfaatnya dapat dipulangkan kepada mereka kembali.

Tambah beliau, pada AKS kali ini, 13 anugerah dipertandingkan, 10 anugerah untuk staf akademik, dan tiga anugerah lagi, untuk

staf pentadbiran yang dipilih berdasarkan kepada kriteria kecemerlangan perkhidmatan yang ditunjukkan. 13 anugerah itu ialah Anugerah Pengajaran (Sains Gunaan), (Sasteran Gunaan dan Sosial Gunaan), Anugerah Ahli Akademik Harapan, Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal, Anugerah Seni dan Kreativiti (Seni Kraf), Anugerah Seni dan Kreativiti (Penulisan Kreatif), Anugerah Perundingan, Anugerah Tokoh Pentadbir, Anugerah Pentadbir Harapan, dan Anugerah Tokoh Pelaksana.

Sementara itu penghargaan turut diberikan kepada Malaysia Music Journal, Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, yang diterbitkan oleh Penerbit UPSI, kerana menjadi jurnal UPSI yang pertama disenaraikan dalam SCOPUS.

Turut diadakan Penyampaian Insentif Penerbitan Artikel Jurnal dan Insentif Pingat Emas Ekspo, Pameran Penyelidikan dan Inovasi.

Senarai Penuh Penerima Anugerah Anugerah Pengajaran (Sains Gunaan)

Dr. Che Zalina Zulkifli,

Anugerah Pengajaran (Sasteran Gunaan Dan Sosial Gunaan)

Dr. Maria Salih,

Anugerah Ahli Akademik Harapan,

Prof. Madya Dr. Tan Wee Hoe,

Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal,

Prof. Madya Dr. Suriani Abu Bakar,

Anugerah Seni Dan Kreativiti (Seni Kraf),

Prof. Madya Dr. Tajul Shuhaizam Said

Anugerah Seni Dan Kreativiti (Penulisan Kreatif),

Prof. Madya Dr. Ani Haji Omar,

Anugerah Perundingan, Kursus Amali Sains Pembantu Makmal KPM tahun 2015,

Bahagian Sumber Manusia dan Fakulti Sains dan Matematik, Helmi Zaifura Abdul Rahman (Ketua),

Anugerah Tokoh Pentadbir,

Ahmad Janatul Firdaus Dzulkarnain,

Anugerah Pentadbir Harapan,

Khairul Asyrani Sulaiman,

Anugerah Tokoh Pelaksana,

Mohd Raizol Ramli



KUNJUNGAN RASMI DUTA GAMBIA KE UPSI



UPSI, 16 Jun 2016 - UPSI menerima kunjungan rasmi dari Kedutaan Gambia yang diketuai oleh Duta Gambia, H.E. Abubacarr Jah itu berbincang untuk bekerjasama dalam bidang pendidikan terutama kemasukan pelajar dari Gambia ke UPSI.

Sesi perbincangan diadakan di Pejabat Naib Canselor itu, dipengerusikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa.

Duta Gambia turut di bawa melawat ke Fakulti Pendidikan Pembangunan Manusia dan Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-kanak Negara (NCDRC).

Turut hadir dalam sesi perbincangan, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Sahandri Gani Hamzah, Pengarah, Bahagian Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Intan Safinas Mohd Ariff Albakri, dan wakil fakulti.



PUSAT ISLAM AGIH 700 BUNGKUS BUBUR LAMBUK



UPSI, 16 Jun 2016 – Pusat Islam mengagihkan lebih 700 bungkus bubur lambuk pada setiap hari Selasa dan Khamis sepanjang bulan Ramadhan kepada kakitangan dan pelajar di kedua-dua kampus UPSI.

Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam, Puan Bazliah Ahmad Mahmud berkata, bubur lambuk itu diagihkan di Pintu Timur, UPSI Kampus Sultan Abdul Jalil Shah dan di Pintu Utama, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Tambah beliau, penyediaan juadah itu menggunakan khidmat pesara kerajaan, Pak Ya, 65, dan dibantu oleh kakitangan disetiap pusat tanggungjawab mengikut giliran yang ditentukan.

Pusat Islam juga mengadakan beberapa program keagamaan sebagai pengisian sepanjang bulan Ramadhan 1437H, antaranya Program Tadarus & Khatam Al-Quran Perdana, Solat Sunat Terawih (20 Rakaat), Terawih Bersama Imam Palestin, dan Qiyamullail pada 10 Malam Terakhir.

Selain itu, Pusat Islam turut membuka Kaunter Pembayaran Zakat Fitrah 1437H dan Sumbangan Waqaf Tunai di Pejabat Pusat Islam, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City dan Atrium Bangunan Canselori, serta program Iftar Harian.



IPS SEMARAKKAN BULAN RAMADHAN



UPS, 15 Jun 2016 - Sempena Sambutan Ramadhan 1437H, Institut Pengajian Siswazah (IPS) menganjurkan Program Ceramah Khas bertajuk "Andai Ini Ramadhan Terakhirku" yang disampaikan oleh Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan, Dr. Mohamad Rozaimi Ramle bertempat di Auditorium Utama.

Selain itu, Kelab IPS turut melancarkan dua program sumbangan iaitu Program Sumbangan Ramadhan 2016 kepada tujuh keluarga golongan asnaf dan fakir miskin yang berada di Felda Sg.Behrang dan Program Sumbangan Baju Raya dan Kuih Raya.

Menurut Pegawai Tadbir, Encik Fadli Sulaiman kakitangan dan warga UPSI yang berminat mendermakan atau menyumbangkan kuih raya dan baju raya ke program tersebut boleh menghubungi Pn. Farah Shafilla Mohamad Kasim ext : 5486 ataupun Cik Nor Izati bt. Hassan ext: 5487. Tambah beliau, pihak IPS turut menerima sumbangan berbentuk wang tunai. Sumbangan boleh dihantar terus ke Pejabat Am IPS sebelum 27 Jun 2016 (Isnin) untuk proses pengagihan.



1600 HADIR MAJLIS BERBUKA PUASA PERDANA UPSI



UPSI, 20 Jun 2016 – Seramai 1600 warga UPSI terdiri daripada pelajar, kakitangan dan pensyarah hadir memeriahkan Majlis Berbuka Puasa Perdana UPSI 1437H/2016M anjuran Pusat Islam yang diadakan di Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah.

Turut diadakan Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan berjumlah RM 50,000.00 dari UPSI Holding Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Penyelaras UPSI Holding, Tuan Haji Nazri

Md Saad kepada Naib Canselor UPSI, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa.

Hadir sama, Pro-Canselor, Prof. Tan Sri Dato' Sri Zakri Abdul Hamid dan isteri, Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Eksekutif.

Selepas berbuka, hadirin turut menunaikan solat Isyak dan tarawih.



NUZUL QURAN DIHAYATI KAKITANGAN



UPSI, 21 Jun 2016 – Menjadi tradisi bagi umat Islam pada setiap 17 Ramadhan akan mengadakan majlis memperingati Nuzul al-Quran. Pusat Islam turut tidak ketinggalan menganjurkan Ceramah Nuzul Quran 1437H/2016 bertajuk “Al-Quran Pemangkin Peradaban Sejagat” yang disampaikan oleh Pengarah Transformasi Insan, Universiti Sains Malaysia, Prof. Madya Dato’ Elias Zakaria, bertempat di Dewan Konvensyen, E-Learning.

Antara peristiwa agung dalam sejarah umat Islam pada bulan Ramadhan ialah turunnya kitab suci al-Quran atau disebut Nuzul al-Quran. Allah SWT menurunkan al-Quran sebagai satu mukjizat terbesar yang membuktikan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w dan kewujudan Allah SWT dengan segala sifat-sifat kesempurnaannya.

Ia dirakamkan dalam al-Quran, melalui firman Allah yang bermaksud: “Ramadhan yang padanya diturunkan

al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan yang menjelaskan petunjuk dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dan yang salah.” (Surah al-Baqarah, ayat 185).

Sebagai hamba-Nya kita perlu menghayati dan meneroka tentang keistimewaan turunnya al-Quran supaya dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan. Seharusnya, peluang ini mesti bermatlamat serampang dua mata iaitu menggalakkan pembacaan al-Quran dan menjadi platform untuk membetulkan dan memperbaiki sebutan atau makhraj huruf, panjang pendek bacaan dan sebagainya.

Prof. Madya Dato’ Elias Zakaria turut menyentuh mengenai ibadah puasa, zakat fitrah, adab-adab dalam keluarga dan kejiranan, dan majlis diakhiri dengan sesi soal jawab oleh hadirin.



KESATUAN PEGAWAI AM ANJUR IFTAR RAMADHAN

UPSI, 21 Jun 2016 – Pengurusan Kesatuan Pegawai Am (KPA) UPSI, menganjurkan Majlis Iftar Ramadhan Kesatuan Pegawai Am kali ketiga bertempat di Dewan SITC dengan jempunan lebih 400 ahli KPA termasuk keluarga.

Pelbagai pengisian diadakan sepanjang majlis berlangsung seperti Pertandingan Qari Junior 'Hafazan Surah Lazim' melibatkan Tahap 1 (6-9 tahun) dan Tahap 2 (10-12 tahun). Penyampaian Tazkirah 'Keberkatan Ramadhan' oleh Ustaz Muhammad Hamdi Azmi, dari Pusat Islam, dan Penyerahan Infak Ramadhan kepada 20 orang anak-anak syurga dari Baitulmahabbah Tanjong Malim oleh Ahli Lembaga Pengarah, Dato' Haji Ahmad Haji Burak.

Di penghujung majlis diadakan penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan Qari Junior oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Zakaria Kasa dan penyampaian duit raya kepada anak-anak ahli KPA yang hadir pada majlis itu.

Adik Yasmin Umairah dinobatkan pemenang Qari Junior Tahap 1 manakala adik Iman Mustakim dinobatkan pemenang Qari Junior Tahap 2 dan kesemua mereka membawa hadiah wang tunai dan sijil penghargaan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), ACP (K) Prof. Madya Dato' Dr. Junaidi Abu Bakar; Pendaftar, Encik Mohd Faizi Othman, Presiden KPA, Puan Nazeema Bebe Mohamed Yusof.



